

Jilid II
Bil. 16



Hari Khamis
18hb Disember, 1980

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2005]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 [Ruangan 2031]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 2068]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K., (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ DATO' HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

- Yang Berhormat DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K., (Pulau Pinang).
- „ DATO' ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO' HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- „ DATUK JAMES WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ DATO' KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, D.S.D.K., K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik)
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).

Yang Berhormat PUAN ROGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).

- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN HAJI YAACOB BIN HAJI ENGKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 18hb Disember, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**KAWASAN PERINDUSTRIAN
DI PERLIS—PENUBUHAN**

1. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan Pusat bercadang membantu Kerajaan Perlis menubuhkan satu kawasan perindustrian di negeri tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan telah dan sedang giat melaksanakan dasar penyerapan projek-projek perindustrian ke kawasan-kawasan kurang maju. Dalam melaksanakan dasar ini, bantuan-bantuan dan galakan-galakan yang sesuai adalah diberikan untuk membantu negeri-negeri yang kurang maju untuk mempercepatkan pembangunan perindustrian di Negeri Perlis yang merupakan salah satu negeri yang kurang maju adalah tidak terkecuali.

Penubuhan kawasan perindustrian adalah merupakan satu ciri utama untuk menarik para pelabur mendirikan projek perindustrian di satu-satu kawasan. Memandangkan kepada keperluan ini, saya telah difahamkan bahawa Negeri Perlis bercadang untuk menubuhkan satu kawasan

perindustrian seluas 35 ekar di Jejawi, Kangar di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Berkaitan dengan ini, Kementerian saya akan memberi bantuan dari segi perancangannya dan penganjuran penubuhan projek-projek perindustrian ke kawasan itu kelak.

PELAKSANAAN KEPUTUSAN DASAR

2. Tuan M. Mahalingam minta Perdana Menteri menyatakan sama ada langkah-langkah telah diambil untuk memastikan bahawa keputusan-keputusan dasar dibuat di peringkat atasan akan dilaksanakan sepenuhnya di peringkat bawah tanpa sebarang penyelewengan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat, saya sukalah menyatakan bahawa Kerajaan mempunyai beberapa unsur kawalan atau 'checks and balances' untuk mengelakkan sebarang penyelewengan di dalam pelaksanaan keputusan-keputusan dasar Kerajaan. Kawalan yang dimaksudkan itu termasuklah proses perbincangan dan kelulusan perbelanjaan yang menetapkan program-program serta jumlah yang diperuntukkan kepada sesuatu projek; proses oditan perbelanjaan; penyiasatan pengaduan awam oleh agensi-agensi seperti Biro Pengaduan Awam dan Biro Siasatan Negara; dan akhir sekali sistem maklumat mengenai pelaksanaan projek-projek pembangunan seperti yang dikendalikan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri. Saya suka juga memaklumkan bahawa Jumaah Menteri dan

semua Majlis-majlis terpenting seperti Majlis Tindakan Negara, Jawatankuasa Perancang dan Pembangunan Negara, Majlis Tanah Negara dan Majlis Kewangan Negara masing-masing mempunyai Urusetianya untuk mengikuti serta mengawal pelaksanaan keputusan-keputusan yang berkaitan.

Dato Sulaiman Ninam Shah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar pegawai-pegawai ini akan menjalankan dasar yang sudah ditetapkan oleh Kerajaan. Jika sekiranya dasar itu tidak berjalan dari atas sampai ke bawah, segala rancangan itu tidak akan berhasil. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan kalau didapati pegawai-pegawai yang tersebut tidak mahu menjalankan atau menyelewengkan dasar Kerajaan.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, negara kita mengamalkan demokrasi berparlimen di mana Kerajaan dipilih oleh rakyat dan sekiranya ada pegawai-pegawai yang tidak mematuhi dasar-dasar yang dibuat oleh Kerajaan ataupun menyeleweng di dalam pelaksanaan dasar-dasar itu, sukaulah saya memberi amaran di sini bahawa mereka boleh diambil tindakan yang tegas dan keras sehingga mereka boleh diberhentikan kerja ataupun dismiss daripada service sehingga tidak ada pencen.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan sedikit sahaja, bolehkah atau tidak pegawai-pegawai yang menyelewengkan dasar Kerajaan itu diambil tindakan oleh BSN?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada maklumat penyelewengan dasar Kerajaan bukan sahaja perkara itu boleh dilaporkan kepada BSN yang mana BSN akan mengambil tindakan untuk melaporkan kepada Ketua Jabatan ataupun Ketua Setiausaha Kementerian bahkan juga maklumat itu boleh disampaikan kepada Menteri-menteri dan juga Timbalan-timbalan Menteri.

Datuk Haji Ahmad bin Ithnin: Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan tadi iaitu jika sekiranya pegawai

menyewengkan pelaksanaan dasar Kerajaan dan tidak ingin bekerja dan enggan melaksanakan pembangunan Kerajaan boleh diambil tindakan. Oleh itu, saya minta Timbalan Menteri berkenaan memberitahu berapa ramaikah pegawai yang telah menyeleweng dan yang telah diambil tindakan sekarang?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu berkehendakkan notis.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh, saya berkehendakkan notis.

Tuan Ismail bin Hashim: Soalan tambahan. Oleh sebab melaksanakan rancangan Kerajaan melalui peringkat-peringkat yang tertentu seperti Majlis Tindakan Kerajaan Pusat, Majlis Tindakan Kerajaan Negeri dan Majlis Tindakan Daerah di peringkat bawah sekali, saya percaya Yang Berhormat Menteri telah mendengar rungutan daripada Ketua Menteri ataupun Menteri-menteri Besar yang kebanyakan pegawai-pegawai yang telah ditugaskan untuk menghadiri mesyuarat Majlis Tindakan Daerah tidak menghadirkan diri. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar perkara ini dan kalau sedar apakah tindakan sewajarnya yang dapat diambil kepada pegawai yang tidak menghadirkan diri dalam majlis-majlis daerah yang sangat penting kepada sesuatu daerah ataupun negeri?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, baik di peringkat Persekutuan ataupun Negeri, perkara itu juga patut dilaporkan kepada pihak yang berkenaan seperti saya katakan tadi.

SERANGAN BALAI POLIS BATU PAHAT

3. **Tuan S.I. Rajah** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah motif yang sebenar disebalik serangan yang dilakukan oleh mereka yang menyerang Balai Polis Batu Pahat. Apakah langkah-langkah cegahan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan peristiwa seperti itu dari berlaku lagi dan apakah jenis bantuan dan pampasan yang akan diberi oleh Kerajaan kepada mangsa-mangsa serangan itu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, motif sebenar di sebalik serangan yang dilakukan oleh mereka yang menyerang Balai Polis Batu Pahat pada 16hb Oktober, 1980 yang lalu setakat ini masih tidak dapat dipastikan dengan jelas dan pihak Kerajaan masih lagi menjalankan penyiasatan. Oleh kerana penyerang-penyerang Balai Polis itu terdiri dari mereka yang mengikut fahaman yang menyeleweng maka serangan ke atas Balai Polis itu mungkin hanya disebabkan oleh penyelewengan itu sendiri. Oleh itu, bagi mencegah peristiwa tersebut dari berulang lagi maka pihak Kerajaan melalui Jabatan Ugama Islam Negeri-negeri sedang mempergiatkan lagi dakwah Islamiah yang sebenarnya kepada orang-orang Islam agar dapat memahami dengan lebih mendalam selok-belok ugama Islam.

Pengawasan yang rapi juga sedang dibuat dengan menentukan kelayakan mereka yang mengajar ugama Islam dengan mengeluarkan surat tauliah kepada mereka yang berkenaan sebagaimana yang termaktub di dalam Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-negeri. Oleh kerana Islam kadangkala dan seringkali digunakan atau diperalatkan ataupun digunakan sebagai payung untuk mencapai tujuan-tujuan lain dengan mengeksploitasikan isu-isu semasa, maka Kerajaan juga mengadakan kursus-kursus sivik untuk melengkapkan pemimpin-pemimpin masyarakat tempatan dengan penjelasan-penjelasan ke atas satu-satu isu supaya tidak disalahertikan oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jenis-jenis bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada mangsa-mangsa peristiwa Balai Polis ialah memberi keutamaan rawatan percuma dan bagi seorang mangsa yang kehilangan tangan akan diberi tangan palsu secara percuma. Soal memberikan pampasan tidak timbul pada masa ini kerana mereka yang berkenaan telah diberi bantuan yang telah disebutkan itu dan mereka juga tidak kehilangan pekerjaan.

Tan Sri Dato Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan. Oleh sebab serangan-serangan itu dibuat oleh suami

mereka dan penyerang-penyerang itu mempunyai anak dan isteri sedangkan anak-anak dan isteri mereka tidak mengetahui apakah hakikatnya yang dilakukan oleh penyerang-penyerang itu dan setengah-setengah itu sudah mati. Adakah Kerajaan bercadang hendak memberikan pampasan kepada isteri dan anak-anak mereka itu?

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, penyerang-penyerang itulah yang harus memikirkan nasib anak isteri mereka.

Tuan S. I. Rajah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, OCPD yang telah bertugas di Batu Pahat semasa kejadian itu telah bertukar ke Kuala Lumpur setelah satu tahun bertugas di Batu Pahat. Saya ingin tahu sama ada beliau bertukar dari Batu Pahat ke Kuala Lumpur kerana kejadian itu.

Tuan Sanusi bin Junid: Tidak ada hubungan antara pertukaran pegawai dan insiden-insiden yang berlaku di mana-mana juga. Pegawai-pegawai ditukarkan dari satu tempat kepada satu tempat tanpa mengaitkan dengan peristiwa yang berlaku di tempat itu. Jika peristiwa itu ada kaitan dengan kecuaiian pegawai bukan penyelesaian Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memindahkan pegawai tetapi mengambil tindakan ke atasnya. Oleh itu, pemindahannya tidak boleh dijadikan bukti bahawa beliau telah dipindahkan kerana kejadian di Batu Pahat itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya tumpang bertanya dua perkara. Benarkah penyerang-penyerang yang berlaku di Batu Pahat itu bukan rakyat Malaysia. Soalan kedua, berapa orang sebenarnya penyerang yang telah mati dan berapa pula orang yang kena serang yang mati dan berapa orang yang kena serang tetapi tidak mati.

Tuan Sanusi bin Junid: Terima kasih, Tuan Yang di-pertua, seramai 24 orang telah cedera daripada serangan itu: 14 orang anggota Polis, 7 orang kakitangan awam dan 4 orang awam. Di antara mereka yang telah bekerja semula ialah 6 orang kakitangan awam, 13 orang anggota Polis. Semua orang awam telah pulih semula seperti sediakala, 4 orang penyerang yang telah dimasukkan ke hospital

telah pun dihantar ke lokap dan telah ditangkap. 4 orang sedang dijalankan penyiasatan.

Mengenai soalan berapa orang yang mati yang terlibat di dalam penyerangan itu: 22 orang yang tidak mati. Yang kena tidak mati: 14 anggota Polis. 14 orang kakitangan awam Polis dan 4 orang awam. Yang ditembak mati: 6 orang di Balai Polis dan 2 orang di luar Balai Polis. Itulah angka-angka yang telah saya ambil daripada berbagai sumber yang ada di sini walaupun tidak secara teratur. Kalau ada soalan lagi Ahli Yang terhormat boleh tanya, saya ingat sudah dijawab semuanya.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan yang pertama belum dijawab iaitu adakah benar di antara penyerang itu bukan rakyat Malaysia.

Tuan Sanusi bin Junid: Benar. 7 orang daripada penyerang ialah warganegara Kampuchea: itu yang hidup dan yang mati 2 orang rakyat Kampuchea.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap di atas motif ini. 7 orang penyerang yang ganas ini yang telah membunuh, membuat satu catatan hitam di dalam sejarah negara kita ialah orang Kampuchea, saya yakin apa yang kita kata dahulu, kita tidak mahu orang Kampuchea ini datang, tetapi sekarang sudah merosakkan negeri kita, dengan sebab itu ini adalah satu alasan yang konkrit tidaklah mustahak di dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tumpukan kepada soalan tambahan sahaja.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Ya, ini tambahannya, pertanyaannya di belakang. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Soalan sahaja tidak boleh cerita panjang-panjang boleh teruskan soalan.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jadi inilah yang saya pandang, seperti yang kita katakan dahulu, membahayakan kita simpan orang pelarian di tanahair kita ini. Saya yakin 7 orang yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu ialah juga orang

pelarian yang datang daripada negeri Kampuchea, Yang Berhormat hendak simpan atas peri kemanusiaan lagi?

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, jelaslah kebaikan hati Kerajaan Malaysia tidak disenangi oleh beberapa orang lain, maka datanglah orang seperti orang-orang jahat yang telah menyerang Balai Polis Batu Pahat untuk berusaha supaya fikiran kita berubah supaya kita yang baik menjadi tidak baik. Apabila mereka menyerang, kita sekarang ini tidak mahu lagi menerima orang-orang pelarian daripada mana-mana tempat, bermaknalah kita sudah berguru kepada orang yang niat busuk. Oleh itu supaya kita tidak terikut ikut sehingga berjaya rancangan orang yang niat jahat ini, maka tidak bolehlah kita membatalkan pekerjaan kita yang baik semata-mata ada orang yang niat jahat hendak ubah fikiran kita supaya menjadi orang yang tidak baik.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan kawalan yang ketat sekarang sedang dikenakan ke atas pendakwah supaya peristiwa seumpama di Batu Pahat tidak berlaku lagi iaitu dengan jalan Jabatan Agama Negeri-negeri memberi tauliah supaya pendakwah-pendakwah itu tidak menyeleweng.

Semalam di dalam Dewan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan seorang padri Kristian dan seorang warak Hindu telah ditangkap kerana pengajaran yang menyeleweng, mereka ditangkap di bawah Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau sekiranya orang-orang Islam yang melakukan dakwah mereka dikawal di bawah Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak oleh Jabatan-jabatan Ugama ataupun Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Maka orang-orang yang mengajar Kristian, orang-orang yang mengajar di dalam ugama Hindu atau ugama Budha di dalam negeri ini siapa yang mengawasi mereka supaya tidak berlaku penyelewengan dan tidak berlaku sebagaimana padri yang kena tangkap juga orang warak Hindu yang kena tangkap itu.

Tuan Sanusi bin Junid: Soal penyelewengan yang berlaku di kalangan orang-orang yang beragama selain daripada agama Islam terserahlah kepada orang yang berkuasa di dalam agama masing-masing untuk membetulkannya. Pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hanya mengambil tindakan apabila penyelewengan itu boleh membawa kepada huru-hara sehingga menjadi ancaman kepada keselamatan negara.

Mengenai penahanan ke atas padri dan sami Hindu yang dibuat, mereka ini telah membuat tindakan yang boleh membawa kepada huru-hara kepada keselamatan negara, tetapi kerana cepatnya pihak polis bertindak, maka huru-hara itu telah tidak berlaku dan mereka telah dilepaskan.

Tuan Ismail bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya begini. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar oleh sebab orang Islam tidak mudah terutamanya dinodai oleh komunis ataupun lain-lain penyelewengan yang membolehkan orang Islam boleh bertukar di segi agama, oleh sebab seorang daripada orang Kampuchea yang terlibat di dalam peristiwa di Batu Pahat ini, beliau ini baru sahaja memeluk agama Islam lebih kurang dalam lima tahun, adakah unsur-unsur pada pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, oleh sebab orang Islam patuh kepada agama, maka mereka ini sengaja memeluk agama Islam atau disuruh dan dirancang oleh sesuatu pihak untuk membuatkan huru-hara di kalangan orang Melayu yang tidak mudah diperdayakan oleh agama-agama yang lain ataupun anasir-anasir yang lain. Maka dengan sebab itu mereka ini atau orang Kampuchea ini meresap dan memberi dakwah sebagai orang Islam yang sebenar-benar mengetahui agama Islam. Selain daripada itu ada anasir yang lain untuk menjahanamkan negara kita seperti apa yang kita saksikan pada hari ini.

Tuan Sanusi bin Junid: Dalam mengawasi orang-orang yang menggunakan untuk menuju cita-cita, pihak Kementerian tidaklah dapat menentukan apa yang ada dalam hati orang yang menyeleweng, tetapi kita hanya dapat melihat kesan daripada penyelewengan. Sejarah Melayu

menunjukkan bahawa banyak mualaf-mualaf begini yang datang dari masa ke semasa buat huru-hara, umpamanya, kita tahu ada Sang Rajuna Tapa, Raja Muda Alias, Si Kitol dan banyak lagi dan sekarang ini ada pula Mohamad Nasir daripada Kampuchea (*Ketawa*) bukan Mohamad Nasir Kelantan kerana ia bukan mualaf. Dengan adanya orang-orang begini maka kita harus berwaspada dan orang-orang Melayu sendiri sebagai orang yang memang berminat kepada agama dia merasa kagum apabila orang daripada agama lain menganut agama Islam dan terlalu mudah menerima mereka sebagai pemimpin, itulah sebabnya kita terpaksa mengadakan kursus-kursus sebagaimana saya katakan tadi kerana kita tidak boleh syak wasangka sehingga nanti orang-orang yang betul mengajar agama Islam pun kita sangka orang ini menyeleweng sampai tidak ada lagi orang yang sanggup mengajar agama kita.

SUBSIDI KEPADA NELAYAN DAN PETANI

4. **Tuan Haji Fadzil bin Ahmad** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada sistem pemberian subsidi kepada nelayan dan petani akan diteruskan dan jika ya, nyatakan sehingga bila sistem ini akan berjalan dan jika tidak nyatakan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, pemberian subsidi kepada nelayan dan petani akan diteruskan oleh Kerajaan buat beberapa waktu yang akan datang. Pemberian subsidi ini adalah merupakan satu langkah yang berkesan bagi membaiki kedudukan sosio ekonomi dengan cara mengurangkan harga pengeluaran, dengan itu pendapatan petani dan nelayan juga meningkat.

Dato Sulaiman bin Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, adakah betul subsidi tanaman kelapa ini cuma diberi kepada kawasan yang tertentu sahaja? Kalau jawapannya betul, ini sebahagian besar daripada rakyat tidak puas hati. Adakah Kerajaan boleh memikirkan pada masa akan datang subsidi ini diberi kepada penanam yang mempunyai kebun kelapa sebagaimana Kerajaan memberi subsidi kepada pekebun-pekebun getah.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pendapat ini tidak betul.

HUBUNGAN KUASA LETRIK KE SINGAPURA/THAILAND

5. **Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kerajaan ada cadangan untuk menyambungkan tenaga elektrik ke Singapura dan Thailand dengan menggunakan tenaga hidro atau dari sumber tenaga gas asli.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Dr. Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan bahawa pada masa ini LLN mempunyai perjanjian-perjanjian dengan Penguasa Penjanaan Elektrik Negeri Thai ataupun EGAT dan Lembaga Kemudahan-kemudahan Awam Singapura ataupun PUB bagi mengadakan hubungan kuasa elektrik di antara Semenanjung Malaysia dengan negeri Thai dan di antara Semenanjung Malaysia dengan Republik Singapura. Walau bagaimanapun, saya tidak dapat menyatakan bahawa kuasa elektrik yang akan disalurkan melalui sambungantara itu akan menggunakan sumber hidro ataupun sumber gas asli kerana semua kuasa elektrik yang dikeluarkan oleh semua stesyen-stesyen janaelektrik akan disalurkan ke dalam rangkaian kebangsaan (national grid).

Daripada rangkaian kebangsaan inilah kuasa elektrik akan diperbahagikan, sama ada kepada para pengguna tempatan ataupun disalurkan kepada sambungantara-sambungantara luar negeri.

UBAT BERACUN

6. **Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa kali dan di negeri-negeri mana serbuan dan rampasan ubat-ubat beracun keatas kedai-kedai ubat yang dilakukan pada tahun ini dan tahun lepas seperti yang telah dilakukan di Seremban dan Pekan Rantau dan mengapakah tindakan yang sama tidak dilakukan keatas penjual-penjual ubat di tepi-tepi jalan di pasar-pasar.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai yang berkenaan di Kementerian Kesihatan telahpun membuat serbuan terhadap 248 buah tempat yang disyaki menjual racun-racun berjadual tanpa lesen pada tahun 1979, dengan membuat sebanyak 220 rampasan. Setakat penghujung bulan November tahun ini, mereka telah pun menyerbu 269 buah kedai dengan membuat sebanyak 223 rampasan. Serbuan-serbuan ini adalah dibuat di semua negeri, tidak terhad kepada sesuatu negeri sahaja. Perhatian yang lebih berat adalah diberikan terhadap pemeriksaan kedai-kedai yang disyaki menjual racun-racun berdaftar tanpa lesen kerana jumlah barangan yang terlibat di sini adalah lebih besar. Penjual-penjual ubat di kaki-kaki lima juga adalah diperiksa dari masa ke semasa. Kementerian Kesihatan akan terus bertindak terhadap mereka yang menjual racun-racun berjadual tanpa kebenaran, walau di manapun mereka berada.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Adakah pihak Kementerian puas hati bahawa di dalam serbuan-serbuan yang dibuat itu termasuk juga penjual-penjual ubat yang tradisional iaitu orang-orang Melayu yang menjual ubat-ubat daripada akar-akar kayu. Kalau ada, macam mana hendak diketahui akar-akar kayu yang dijual itu mengandungi racun-racun yang tidak boleh dijual dan macam mana yang boleh dibenarkan supaya dijual kerana perubatan ini adalah merupakan perubatan tradisional yang mereka itu mempersakai dari datuk neneknya sampai sekarang.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, tujuan serbuan ini ialah terhadap mereka yang menjual racun-racun yang berjadual (scheduled poisons) yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan yang berkenaan, dan jikalau racun ini tidak ada didaftarkan, tidaklah kita merampas barang itu melainkan jikalau kita mengesyaki bahawa walaupun ubat itu dikatakan perubatan tradisional tetapi ada bahan-bahan di dalam perubatan ini yang dianggarkan sebagai racun.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya daripada 243 kedai yang diserbu, 46 yang ditangkap mengikut jawapan Menteri yang berkenaan. Saya suka bertanya seolah-olah negeri kita ini kedai beracun terlampau banyak nampaknya. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sebab itu harus ramai orang kita mati makan ubat beracun daripada kedai yang macam ini. Tuan Yang di-Pertua, walaupun perkara ini dipandang tidak begitu serius tetapi pada pendapat saya gejala buruk yang macam ini patut tidak boleh berlaku lagi pada masa hadapan sebab di kampung-kampung khususnya tidaklah siapa yang dapat tahu bahawa kedai ubat itu ada mengandungi racun yang membahayakan macam yang disebut ini. Jadi kebanyakan orang-orang kampung ataupun di bandar-bandar juga bukan semua orang doktor dan bukan semua orang pakar dalam perubatan ini yang mengetahui racun yang dijual di kedai ubat yang seperti ini. Jadi apakah langkah Kementerian Kesihatan bahawa di masa akan datang dapat kita kalau tidakpun menghapuskan sama sekali sewenang-wenangnya kedai yang menjual ubat beracun macam ini tetapi kita akan mengurangkan seberapa boleh yang dapat demi keselamatan umum.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas pandangan yang bernilai itu. Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan satu pasukan ahli-ahli farmasi khususnya untuk mengawal masalah ini dan Kementerian juga telah menubuhkan satu laboratory di Petaling Jaya supaya dalam masa akan datang kita boleh menentukan mutu perubahan yang dijual dalam pasaran dan kita akan mengambil langkah-langkah seperti ini untuk mencegah, walaupun tidak boleh menghapuskan kejadian yang tidak diingini ini.

BANTUAN KEPADA NELAYAN DI SARAWAK

7. **Tuan Haji Abdul Latip bin Haji Dris** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada langkah-langkah sedang diambil untuk membantu nelayan-nelayan di Sarawak memiliki kapal-kapal pukut tunda di kawasan

laut dalam supaya dapat menambahkan lagi hasil tangkapan di negeri ini.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedang mengambil beberapa langkah untuk membantu nelayan-nelayan di Sarawak memiliki bot-bot pukut tunda secara sewa beli di samping untuk memberi peluang kepada nelayan-nelayan berkenaan memiliki bot sendiri.

Setakat ini MAJUIKAN telah pun melengkapkan 50 buah unit bot serbaguna di Sarawak beratnya 20 tan tiap-tiap satu dengan enjin 75 kuasa kuda. Penempatan dan bilangan bot itu adalah seperti berikut:

Belawi	10 unit
Bintulu	20 unit
Mukah	10 unit
Kaboh	10 unit

Bot-bot ini dilengkapi dengan penggunaan pukut tunda dan pukut hanyut. Sejumlah \$5 juta telahpun dibelanjakan untuk pelaksanaan projek tersebut. Lebih kurang 150 orang nelayan telahpun mendapat faedah dari projek ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Alexander Lee.

Tuan Oh Siew Aun: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 8.

PERKHIDMATAN PERUBATAN DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG

8. **Tuan Oh Siew Aun** (*di bawah S. O. 23* (2)) minta Menteri Kesihatan menyatakan perkhidmatan-perkhidmatan perubatan yang terdapat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan adakah ini termasuk perkhidmatan kereta ambulan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Pejabat Kesihatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang mempunyai telefon talian terus (hot line) ke Hospital Universiti di Petaling Jaya, yang mengadakan perkhidmatan ambulan yang terdekat ke Lapangan Terbang ini. Perkhidmatan ambulan ini adalah dipanggil untuk kes-kes kecemasan.

Sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Pejabat Kesihatan ini dikelolakan oleh doktor-doktor, jururawat-jururawat dan merinyumerinyu kesihatan yang bertugas secara bergilir-gilir, terutamanya untuk kerja-kerja kesihatan pencegahan. Mereka juga menyahut panggilan-panggilan kecemasan kapalterbang mendarat apabila diperlukan untuk berbuat demikian.

PERADUAN RATU CANTIK

9. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sikap Kerajaan terhadap peraduan ratu cantik yang kian tahun kian meriah persembahannya.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Chin Hon Ngian): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak menjalankan atau menganjurkan Peraduan Ratu Cantik. Peraduan-peraduan yang terdapat sekarang adalah anjuran pihak swasta. Semua permohonan untuk pertunjukan umum termasuk Peraduan Ratu Cantik adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan oleh berbagai-bagai pihak berkuasa dan ia meliputi persembahan, tempat dan sebagainya.

SETINGGAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN—TARAF HIDUP

10. Puan Rahmah binti Othman minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan rancangan-rancangan yang telah diusahakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan untuk meninggikan taraf hidup setinggan khususnya kaum wanita dan kanak-kanak.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan memang sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi taraf hidup setinggan-setinggan di Wilayah Persekutuan ini. Segala kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan letrik dan air, tandas curah, sistem perparitan, jalan, longkang, jambatan akan diadakan di kampung-kampung setinggan yang tidak terlibat dengan projek Kerajaan. Selain daripada itu kemudahan-

kemudahan awam yang lain seperti pengangkutan sampah, pondok telefon, dewan orang ramai, balairaya dan lain-lain juga diadakan di kampung-kampung setinggan tersebut.

Dari segi kemudahan sosial dan rekreasi pula, taman permainan kanak-kanak, gelanggang-gelanggang seperti gelanggang badminton, sepak takraw, bola jaring, bola keranjang juga disediakan untuk penduduk-penduduk di kawasan setinggan.

Di bidang perkhidmatan masyarakat khusus untuk kaum wanita dan kanak-kanak pula perkhidmatan kesihatan seperti anti malaria, anti denggi, projek membasmi cacing, perkhidmatan kebajikan keluarga dan pembangunan program pemakanan juga diadakan di kampung-kampung setinggan.

Di bidang pendidikan pula, kelas-kelas TADIKA diadakan untuk golongan kanak-kanak selain dari kelas bimbingan sejak tahun 1978. Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Dewan Bandaraya telah melancarkan projek Sang Kancil di tiga buah kampung setinggan iaitu Kampung Haji Abdullah Hukum, Kampung Malaysia Tambahan serta Kampung Pandan Tengah yang melibatkan 10,944 keluarga.

Persediaan untuk meninggikan lagi taraf manpower development yang lebih baik, projek Sang Kancil ini akan ditambah lagi ke lima buah kampung setinggan yang lain iaitu Kampung Kerinci, Bukit C, Kampung Desa, Rantau Kepong, Kampung Banteng Segambut, Kampung Stesen Jalan Ipoh, Kampung Sentosa, Jalan Kelang Lama dan rancangan ini akan melibatkan 10,358 keluarga lagi.

Kementerian Wilayah Persekutuan juga dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain telah pun melancarkan program nadi yang meliputi seluruh bidang kehidupan penduduk Wilayah Persekutuan terutama sekali kawasan setinggan. Program nadi ini yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bertujuan meningkatkan taraf kawasan setinggan dengan mengadakan kemudahan-kemudahan asas dan kemudahan awam serta perkhidmatan kesihatan khas di perkampungan setinggan.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Terima kasih kepada penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri banyak kemudahan telah diberi kepada setinggan-setinggan. Saya hendak bertanya satu sahaja, adakah Kerajaan bercadang hendak memberi tanah tapak rumah ini kepada setinggan itu sendiri supaya selesai masalah ini kerana sekarang tanah ini ialah tanah Kerajaan. Tidakkah Kerajaan bercadang hendak menimbangkan supaya mereka ini mendapat hakmilik mereka sendiri supaya mendirikan rumah-rumah mereka pada masa akan datang.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada cadangan hendak memberi tanah kepada setinggan-setinggan.

UNIT PEMBEDAHAN PLASTIK

11. Tuan K. Kumaran minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilakah unit pembedahan plastik di Kuala Lumpur akan dijalankan semula berikutan dengan penutupan unit tersebut baru-baru ini;
- (b) sebab-sebabnya pakar bedah plastik di Hospital Besar Kuala Lumpur itu meletakkan jawatan; dan
- (c) sama ada beliau bercadang memberi lebih banyak galakan supaya pakar-pakar perubatan tidak meletakkan jawatan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kesihatan sedang memproses suatu permohonan dari seorang pakar bedah plastik dari luar negeri untuk jawatan ini yang sedang kosong di Hospital Besar, Kuala Lumpur. Kita akan membuka semula Unit ini apabila seorang pakar diperolehi kelak.
- (b) Pakar Bedah Plastik yang lalu telah pun meletakkan jawatannya di atas sebab-sebab peribadi beliau sendiri. Beliau telah tidak dikehendaki untuk menyatakan alasan-alasannya.

- (c) Saya telah pun mengambil tindakan untuk menaikkan taraf banyak jawatan-jawatan dalam perkhidmatan perubatan supaya doktor-doktor dan doktor-doktor pakar boleh mendapat peluang-peluang yang lebih baik untuk kenaikan pangkat. Selain dari itu, mereka juga telah memperolehi berbagai faedah dengan adanya penyelarasan kenaikan gaji faedah-faedah pencen baru-baru ini untuk kakitangan-kakitangan Kerajaan.

Puan Rahmah binti Othman: Soalan tambahan. Sebenarnya saya tidak faham tentang pembedahan plastik ini. Saya tidak faham macam mana Menteri pula boleh faham. Dia tulis di sini pembedahan plastik, kalau plastik itu kita semua boleh bedah.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Pakar Bedah Plastik Tuan Yang di-Pertua, ialah seorang Plastic Surgeon.

INDUSTRI PERFILEMAN—TARAF

12. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Penerangan menyatakan peranan yang telah dimainkan oleh Kementeriannya dalam usaha meninggikan lagi taraf industri perfileman di negara ini dan nyatakan sama ada Kerajaan bercadang menyediakan kemudahan-kemudahan seperti menyediakan biasiswa untuk pelakun-pelakun di negara ini melanjutkan pelajaran ke luar negeri di dalam bidang seni lakun.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato Haji Embong bin Yahya): Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha meninggikan lagi taraf industri perfileman di negara ini Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah yang berikut:

- (a) Membimbing pengeluar-pengeluar filem di Malaysia agar bersatu dan mengambil langkah yang perlu bagi memperbanyakkan filem-filem tempatan di samping berkhidmat memperkayakan kebudayaan Malaysia. Usaha ini telah dapat menghasilkan penubuhan sebuah persatuan yang sekarang dikenali sebagai Persatuan Pengeluar-pengeluar Filem Malaysia.
- (b) Menggalakkan dan membimbing Persatuan Pengeluar-pengeluar Filem Malaysia menyertai persidangan dan

filem-filem festival antarabangsa seperti yang dianjurkan oleh Persekutuan Penerbit-penerbit Filem ASEAN dan oleh Sekretariat ASEAN serta penyertaan dalam ASEAN Motion Picture Producers' Association agar kepakaran penerbitan-penerbitan filem dan artis-artis di Malaysia mencapai taraf dan mutu yang setanding dengan keadaan industri perfileman dan kecekapan artis-artis antarabangsa.

- (c) Memandangkan para seniman, penulis menerusi persatuan-persatuan mereka seperti Persatuan SENIMAN Malaysia, PAPITA dan GAPENA meningkatkan taraf iktisas masing-masing dalam bidang perfileman.
- (d) Bekerjasama dengan Jabatan Imigresen serta Guild of Advertising Film Producer of Malaysia untuk menapis dan menghadkan kemasukan kepakaran asing dalam bidang perfileman untuk melindungi kepentingan tenaga kerja dan iktisas pakar-pakar dan artis-artis perfileman tempatan.
- (e) Beri keutamaan kepada filem-filem pengeluaran tempatan bagi tayangan-tayangan TV dan menggalakkan penerbitan-penerbitan filem tempatan agar bertambah bilangannya.
- (f) Menerusi Filem Negara Malaysia:
 - (i) menerbitkan filem-filem rencana dan cereka bagi mengatasi masalah kekurangan filem-filem tempatan di samping memberi peluang kepada pakar-pakar dan artis-artis tempatan meningkatkan kepakaran mereka dalam bidang perfileman.
 - (ii) memberi perkhidmatan nasihat, sewaan alat-alat cinematography kepada pengusaha-pengusaha filem bumiputera bagi menambahkan keluaran filem tempatan yang bermutu.
- (g) Memberi bantuan-bantuan nasihat moral dan publisiti kepada usaha-usaha yang bersangkutan dengan dunia perfileman menerusi festival filem dan rancangan-rancangan di radio dan TV.

(h) Berusaha menjalankan satu peraturan kerjasama di antara Malaysia dan Indonesia bagi filem-filem penerbitan Malaysia bagi dipasarkan untuk tayangan di Indonesia.

Mengenai kemudahan seperti biasiswa sukacita saya maklumkan bahawa perkara ini adalah menjadi salah satu daripada tugas-tugas Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum rang undang-undang menubuhkan satu Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia telah pun dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada bulan Disember, 1980 oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan akan dibentangkan dalam Dewan Negara ini pada sidang kali ini.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Saya ingin tahu berapa banyakkah perusahaan-perusahaan filem di negara ini yang dimiliki oleh bumiputera dan di antaranya berapakah bilangan perusahaan-perusahaan filem ini yang hidup segan mati tak mahu dan apakah sebab-sebabnya beberapa buah syarikat pengeluar-pengeluar filem di negara ini yang menarik diri dari mengambil bahagian dalam ASEAN Filem Festival di Singapura baru-baru ini.

Dato Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab perkara industri perfileman ini tidak di bawah Kementerian Penerangan, jadi jawapan itu saya minta notis.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa banyak artis-artis kita yang kena 'gam' pertunjukkannya di Angkasapuri oleh kerana ia tidak secukup dengan penerbitnya. Yang kedua, banyak orang berkata bahawa bayaran yang dibuat oleh Jabatan Penerangan di Angkasapuri ini terlampau lambat membayarnya. Ketiga, harganya terlampau rendah nilainya. Adakah Menteri sedar; bolehkah perkara ini diperbaiki?

Dato' Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat itu lain sekali. Perkara yang kita bincangkan ini

ialah perusahaan perfileman oleh swasta, tidak ada kena mengena dengan artis-artis yang di dalam TV Malaysia.

Tan Sri Dato Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya bangkitkan ini ialah ekoran daripada apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Khidmatnya dalam Angkasapuri seperti TV dan sebagainya. Sekiranya Yang Berhormat berkehendakan notis, saya boleh beri notis, tidak apa. (*Ketawa*)

BATU CAVES—PEMECAHAN BATU

13. **Dr Choo Kooi Fook** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau akan menggunakan tekanan terhadap Kerajaan Negeri Selangor supaya memberhentikan pemecahan batu di Batu Caves dengan serta-merta.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini dalam masa soal-jawab pada 12hb April, 1979, operasi kuari-kuari di Batu Caves adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri Selangor.

Seperti yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Negeri Selangor pula telah menyatakan dengan terus-terang pendirian Kerajaan Selangor di atas perkara ini seperti yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Besar Selangor semasa soal-jawab di Dewan Undangan Negeri Selangor pada 30hb Disember, 1980. Oleh hal demikian, sebarang tekanan daripada Kerajaan Pusat ke atas Kerajaan Negeri Selangor ataupun Kerajaan Negeri-negeri lain berkaitan dengan perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri iaitu Senarai Negeri (State List) Jadual kesembilan Perlembagaan Persekutuan tidak timbul.

SOALAN No. 14 DITARIK BALIK

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdullah bin Salleh.

Tuan Abdullah bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab pemberian subsidi

telah pun diberi sekarang ini maka soalan No. 14 ini sudah pun berjawab dan saya menarik balik.

PEMAJU PERUMAHAN BUMIPUTERA/BUKAN BUMIPUTERA

15. **Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan angka pemaju-pemaju perumahan Bumiputera dan bukan bumiputera.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, jumlah pemaju-pemaju perumahan Bumiputera adalah 198 dan bukan Bumiputera adalah 1,474. Angka ini adalah bagi tempoh dari tahun 1969 sehingga September, 1980.

SKIM PENGANGKUTAN DI KUALA LUMPUR

16. **Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Wilayah Persekutuan menjelaskan sama ada keperluan orang ramai yang berjalan kaki dalam bandaraya untuk urusan membeli belah, urusan perniagaan, pergi serta balik ke pejabat, dan sebagainya diberi pertimbangan dalam merancang dan melaksanakan Skim Pengangkutan di Bandaraya, Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, di dalam merancang dan melaksanakan skim pengangkutan di Bandaraya Kuala Lumpur, Kerajaan memang mengambil perhatian terhadap keperluan dan keselamatan orang ramai yang berjalan kaki di Bandaraya ini. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- (a) merancang untuk menjadikan beberapa batang jalanraya khas untuk pejalan kaki sahaja (pedestrian mall)
- (b) membina pagar-pegar keselamatan di tempat-tempat berjalan kaki supaya pejalan-pejalan kaki dapat menyeberangi jalanraya dengan lebih selamat;

- (c) membina tempat-tempat berjalan kaki (foot paths) yang lebih baik dan lebar untuk kesenangan dan keselamatan pejalan-pejalan kaki;
- (d) mengadakan lampu-lampu isyarat yang mempunyai kawalan isyarat untuk melintas di beberapa persimpangan jalanraya di pusat ibu kota supaya pejalan-pejalan dapat melintas persimpangan-persimpangan tersebut dengan selamat;
- (e) mengadakan jambatan berjalan kaki (overhead pedestrian bridge) serta Zebra Crossing diadakan di tempat-tempat untuk kegunaan pejalan-pejalan kaki;
- (f) mengadakan tempat teduh bas yang lebih baik dan selesa untuk pejalan-pejalan kaki yang menggunakan perkhidmatan bas. Selain dari itu jalan-jalan bas dan kenderaan awam dirancang untuk kemudahan pejalan-pejalan kaki menggunakan perkhidmatan bas dan lain kenderaan awam;
- (g) di mana sesuai pokok-pokok ditanam di tepi jalan untuk memberi teduh kepada pejalan-pejalan kaki.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sangat memuaskan yakni penjagaan rapi terhadap orang yang jalan kaki. Nampak saya tiga empat tempat telah dibuat. Saya suka bertanya di Bandaraya kita Kuala Lumpur yang sibuk ini bolehkah tempat yang disediakan untuk pejalan kaki itu digunakan oleh orang yang memakai basikal. Sebab pada pendapat saya kalau kita boleh menggunakan, saya ingat patut kita galakkan terus dan tentulah kesibukan jalanraya Kuala Lumpur ini akan berkurangan. Terutamanya rasa saya orang-orang yang berulang alik ke Pejabat khasnya di waktu pagi sangat sibuk sekali, kalau dapat hendak berbasikal pada masa yang akan datang, bukannya kita boleh mengurangkan minyak tetapi kita boleh dapat mendeduhkan bandarnya kita yang makin bertambah rumit pada masa ini. Terima kasih.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, masa sekarang pun masih juga terdapat adanya penunggang-penunggang basikal dalam Kuala Lumpur ini. Tetapi saya ingat orang awam pun lebih rasa senang menaiki kenderaan kereta ataupun teksi yang ada banyak di dalam bandaraya Kuala Lumpur ini.

JALAN RAYA BALIK PULAU DAN GEORGETOWN

17. **Tuan Oh Siew Aun** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bila Kerajaan akan membaiki Jalanraya Persekutuan di antara Balik Pulau dan Georgetown yang berlopak-lopak itu.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja membaiki Jalanraya Persekutuan yang berlopak-lopak itu di antara Balik Pulau dan Georgetown sedang dijalankan dan dijangka siap pada awal tahun hadapan.

BEKALAN MINYAK DI ASEAN

18. **Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada bekalan tenaga minyak di ASEAN mencukupi sekiranya kekurangan bekalan minyak mentah dari luar negeri berlaku berterusan akibat peperangan Iran/Iraq.

Datuk Abdullah bin Abdul Ráhman: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita semua sedia maklum tiap-tiap negara termasuk negara-negara dalam ASEAN mempunyai peraturan masing-masing untuk mendapatkan bekalan minyak mentahnya. Oleh yang demikian, kesan kekurangan bekalan minyak akibat peperangan Iran-Iraq ke atas negara-negara ASEAN adalah bergantung kepada purata jumlah bekalan minyak yang diperolehi oleh sesebuah negara ASEAN itu daripada negara-negara pengeksport yang dalam peperangan ini.

Bagi negara kita, saya telah pun menerangkan tentang langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan bagi mengekalkan bekalan minyak negara, semasa menjawab soalan No. 15 dari Yang

Berhormat Tuan M. Mahalingam pada 16hb Disember, 1980.

UNIT PAKAR DITUTUP

19. Tuan K. Kumaran minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa unit pakar tidak dapat berjalan akibat kekurangan pakar perubatan dan menyatakan jenis unit-unit tersebut; dan
- (b) sama ada terdapat unit atau masih yang tidak boleh dipakai kerana tidak ada pakar yang tahu menjalankan alat-alat itu; jika ya, nyatakan unit dan mesin tersebut.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dua buah unit pakar yang ditutup ialah Unit Neurosurgery dan Unit Urology di Hospital Besar, Pulau Pinang, disebabkan oleh perletakan jawatan pakar-pakar yang berkenaan. Kes-kes seperti ini sekarang adalah diuruskan oleh pakar-pakar bedah umum, dan bagi kes-kes yang memerlukan perkhidmatan rawatan kepakaran yang lebih khusus, maka ianya adalah dirujuk ke Hospital Besar, Kuala Lumpur.
- (b) Alat-alat yang dibeli untuk kegunaan hospital-hospital adalah digunakan dengan sepenuh yang mungkin dan ianya tidaklah dibiarkan secara begitu sahaja semata-mata kerana perletakan jawatan individu-individu ini.

PERSAWAHAN DI PERLIS— KEKURANGAN TENAGA

20. Tuan Ismail bin Sheik Ibrahim minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kekurangan tenaga dalam kegiatan persawahan di Perlis.

Menteri Pertanian (Dato Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan tenaga di dalam kegiatan persawahan bukanlah perkara baru. Masalah ini telah pun wujud sejak dahulu kala di musim menuai. Masalah ini telah pun

berkurangan sejak pengenalan dan penggunaan jentera serta pengurusan tanah yang lebih teratur. Tetapi di dalam usaha menanam pula telah wujud kekurangan tenaga. Langkah-langkah yang sedang diambil adalah mengkaji untuk penggunaan jentera yang lebih sesuai dan mengadakan program mengatur penanaman yang berperingkat-peringkat di dalam satu-satu blok pengairan.

TANAH BAGI PROJEK KERAJAAN— PAMPASAN

21. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa kebanyakan pemilik-pemilik tanah tidak suka membenarkan tanah-tanah mereka diambil oleh Kerajaan untuk sesuatu projek, kerana bayaran pampasan itu biasanya amat rendah dan tidak setimpal dengan harga tanah-tanah itu dalam pasaran dan jika sedar adakah Kerajaan akan mengkaji semula harga tanah-tanah yang diambil oleh Kerajaan itu supaya setimpal dengan harga pasaran.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa Kerajaan membayar pampasan yang amat rendah dan tidak setimpal dengan harga pasaran kerana harga bagi tiap-tiap tanah yang diambil balik bagi projek-projek Kerajaan terlebih dahulu dinilai oleh Pegawai-pegawai Penilaian Perbendaharaan yang bertauliah mengikut kaedah-kaedah yang tertentu. Empat kaedah-kaedah yang boleh digunakan bagi menentukan harga pasaran bagi tiap-tiap tanah yang diambil balik itu. Kaedah-kaedah yang berkenaan adalah:

- (1) Kaedah Perbandingan;
- (2) Kaedah Pelaburan;
- (3) Kaedah Kos; dan
- (4) Kaedah pembangunan atau kaedah nilai-nilai.

Daripada empat kaedah-kaedah ini, kaedah perbandingan ternyata diamalkan dengan luasnya di negara kita ini dengan sebab pampasan yang diberi oleh Kerajaan mengikut amalan ini sangatlah menasabah.

Jika seseorang tuan tanah tidak bersetuju dengan harga pampasan yang diberi oleh Kerajaan, mereka boleh membuat rayuan (appeal) dengan merujuk perkara itu ke Mahkamah Tinggi seperti yang tercatat di bawah Seksyen 37, Akta Pengambilan Tanah, 1960.

BAHASA MALAYSIA DI KEDAI/ GEDUNG PERNIAGAAN

22. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah tindakan yang telah diambil berhubung dengan penggunaan Bahasa Malaysia di kedai-kedai dan gedung-gedung perniagaan yang masih belum menggunakan Bahasa Malaysia.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat berhubung dengan penggunaan Bahasa Malaysia di kedai-kedai dan di gedung-gedung perniagaan yang masih belum menggunakan Bahasa Malaysia adalah terlalu umum. Adakah soalan ini dimaksudkan kepada papan tanda sahaja atau resit-resit, bil-bil ataupun pertuturan semasa menjalankan perniagaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada peruntukan dalam Akta Syarikat, 1965 ataupun Akta Pendaftaran Perniagaan, 1956 yang diwajibkan seseorang peniaga menggunakan Bahasa Malaysia sahaja. Walau bagaimanapun, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, adalah menjadikan dasar Kerajaan supaya segala urusan dengan pihak Kerajaan hendaklah dalam Bahasa Malaysia. Namun demikian, Kerajaan tidak melarang pihak-pihak peniaga menggunakan bahasa-bahasa lain dalam urusan mereka sendiri.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1981

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang

Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (18hb Disember, 1981)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Yap Peng.

3.34 ptg.

Tuan Yap Peng: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan atas Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

Dalam menyokong peruntukan bagi tahun 1981 ini, saya ingin membuat beberapa teguran mengenai masalah yang dihadapi oleh pelombong-pelombong timah di negara ini. Adalah difahamkan bahawa apabila sesebuah lombong itu telah berjalan dan diusahakan dengan jayanya dan pelombong-pelombong telah membayar hasil yang telah ditetapkan oleh pihak tertentu. Kepada Kerajaan, nasib dan masa hadapan pelombong-pelombong ini adalah tidak terjamin. Nampaknya sangat sukar bagi pelombong-pelombong mendapatkan kawasan yang baharu malahan tidak dapat pertolongan yang sepatutnya daripada yang berkenaan. Apabila pelombong-pelombong ini meminta pertolongan untuk membaharui tempoh pajakan (lease) daripada Kementerian, Kementerian menolak dan meminta mereka merujuk kepada Kerajaan Negeri. Dan apabila mereka tertunggu-tunggu dan meminta pertolongan daripada Kerajaan Negeri, mereka ditolak pula kepada Kementerian. Perkara ini adalah sangat mendukacitakan. Kerajaan Pusat pula mengenakan syarat-syarat yang banyak dan ketat. Bermacam-macam masalah ditempohi apabila mereka membaharui lesen untuk melombong di Wilayah Persekutuan. Kerajaan memerlukan bank guarantee yang terlampau banyak untuk menjamin lombong yang dikorek itu supaya ditimbus semula. Saya merayu agar pihak yang berkenaan dapat melongggarkan syarat-syarat ini. Masalah pelombong-pelombong ini selalu tidak difahami oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi contoh untuk menjelaskan serba sedikit kesulitan yang dialami oleh pelombong-pelombong. Bagi syarikat-syarikat sendirian

berhad, syarikat-syarikat itu dikenakan 5% development tax, 40% income tax tetapi bagi perusahaan perlombongan, pelombong-pelombong adalah dikenakan selain daripada 5% development tax dan 40% income tax, 10% lagi tin profit tax.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa usaha untuk melombong timah tidak selalunya berjaya dan selalu juga mengalami kerugian. Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan dapat mengecualikan 10% tin profit tax ini bagi pelombong yang tidak berapa maju. Saya ingin memberi dua perbandingan dengan perusahaan getah, padi, kelapa sawit dan lain-lain perusahaan yang mendapat bantuan subsidi daripada Kerajaan dan saya ingin mendapat pertimbangan supaya pihak yang berkenaan mengkaji dan memberi bantuan subsidi kepada pelombong-pelombong yang kurang maju terutama kepada pelombong-pelombong bijih.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Kerajaan tidak campurtangan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelombong-pelombong di negara ini, saya takut, perusahaan pelombong akan merosot yang bermakna kurangnya hasil cukai yang akan diperolehi oleh Kerajaan dan ramailah pekerja-pekerja lombong yang akan hilang kerja akibat penutupan lombong. Sekali lagi saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya mengambil berat tentang nasib dan masa hadapan pelombong-pelombong di negara kita ini khasnya saya merayu kepada pihak Kementerian supaya dapat berunding dengan pihak Negeri untuk mendapatkan kawasan-kawasan perlombongan baharu khasnya bagi penguasaha-pengusaha lombong-lombong kecil.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang kekurangan bahan-bahan makanan yang sekarang ini sering diberitakan di akhbar-akhbar tempatan, iaitu kekurangan barang-barang makanan seperti susu, gula dan barang keperluan lain. Saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya betul-betul untuk mengatasi masalah rakyat ini dan sekiranya betul bekalan-bekalan tersebut berkurangan, eloklah Kerajaan mencari ikhtiar supaya

rakyat jelata tidak akan ditimpa oleh kekurangan bekalan ini memandangkan keadaan dunia mengalami inflasi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai road block yang selalu dibuat oleh pihak RIMV. Selalunya kereta-kereta terpaksa berhenti berjela-jela panjangnya dan ini mengganggu kelicinan perjalanan lalulintas. Saya merayu supaya waktu dan tempat untuk road block ini dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan supaya pegawai-pegawai yang bertugas untuk memeriksa lesen kereta memakai uniform yang tertentu dan sebaiknya diiringi oleh Pegawai Polis untuk memberi kepercayaan kepada orang ramai yang road block itu benar-benar road block dan tidak disalahgunakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong peruntukan bagi tahun 1981 ini yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tun kerana telah memimpin Dewan Negara ini. Saya rasa sedih oleh kerana Yang Amat Berhormat Tun akan bersara dari jawatan tersebut. Sejak saya menjadi Ahli Dewan Negara saya sungguh rasa bangga atas tunjuk ajar yang Yang Amat Berhormat Tun beri kepada saya semasa di dalam Dewan yang mulia ini atau di luar Dewan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato Sulaiman Ninam Shah.

3.43 *ptg.*

Dato Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengambil bahagian bersama dalam membahaskan ucapan Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1981.

Saya menyokong dengan sekuat-kuatnya atas Rang Undang-undang ini. Saya dapat Belanjawan tahun 1981 ini bolehlah dikatakan baik, tidak berapa memberatkan orang-orang di peringkat bawahan.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan di atas Belanjawan tahun 1981 yang dibentangkan sekarang di mana matlamat-matlamat Belanjawan itu amat sesuai dan kena pada waktunya. Matlamat-matlamat Belanjawan yang dimaksudkan itu ialah mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi, di samping menyekat inflasi di dalam negeri, serta untuk memberi faedah terutamanya kumpulan berpendapatan rendah dan orang-orang biasa.

Walaupun begitu, saya ingin menyentuh beberapa aspek yang saya kira penting berkaitan dengan matlamat-matlamat Belanjawan di atas.

Dalam mengekal dan mempertingkatkan kadar pertumbuhan ekonomi negara ini kita seharusnya memberi perhatian yang serius kepada:

- (i) kemahiran dan daya pengeluaran tetap kerja;
- (ii) penyesuaian serta penggunaan teknologi moden; dan
- (iii) tingkat tabungan (saving) yang terdapat di negeri ini.

Kemahiran dan pengeluaran tenaga kerja, negara kita sekarang bukan sahaja menghadapi kesulitan bekalan tenaga pekerja bagi melaksana dan memenuhi keperluan-keperluan perkembangan ekonomi kita. Pertumbuhan yang pesat di dalam sektor perkilangan, pembinaan dan juga perkhidmatan sedikit sebanyak telah terjejas dan kekurangan tenaga pekerja yang mahir.

Bagi sektor perniagaan dan perindustrian bumiputera juga, masalah kekurangan tenaga mahir di semua peringkat amat ternyata. Ini terang sekali sebagaimana ucapan Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah mengatakan kita ambil contoh orang Kelantan sahaja, katanya 35,000 orang ada di Singapura dan 60,000 orang di Kuala Lumpur. Ini sudah terang dengan menunjukkan tenaga kerja yang ada pada kita ialah berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, jika masalah kekurangan tenaga mahir ini tidak diatasi dengan seberapa segera, sama ada melalui pengubahsuaian semula setengah-setengah

institusi pendidikan kita, terutama dengan meluas dan membanyakkan lagi maktab-maktab teknik, pengurusan kita bimbang pertumbuhan ekonomi kita tidak akan dapat dikekalkan pada kadar yang ada pada hari ini.

Negara ini kaya dengan berbagai jenis sumber alam yang tidak terdapat di tempat-tempat lain. Apa yang perlu bagi kita ialah melahirkan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran yang tinggi supaya proses pertumbuhan kita dapat dipercepatkan.

Baru-baru ini saya sangat bersetuju Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengatakan akan membesarkan lagi di Dusun Tua dan akan dibuat 2-3 tempat lagi di tanahair kita, bukan sahaja membuat 2-3 tempat yang baru seperti di Dusun Tua bahkan diperbaiki lagi di Dusun Tua sendiri. Maka dengan ini saya ingat tenaga yang mahir dapat diadakan dengan kadar yang tidak lama ke hadapan. Ini harapan daripada saya.

Berkait dengan perkara ini adalah perlu juga jika Kerajaan mengambil langkah-langkah sesuai supaya daya pengeluaran dan kualiti barang-barang yang dikeluarkan di negeri ini bertambah tinggi lagi. Pertumbuhan ekonomi kita akan bergantung juga kepada pasaran eksport dunia. Kejayaan kita menembusi pasaran dunia akan bergantung kepada kualiti barang keluaran kita. Ini dapat kita lakukan jika Kerajaan memberi segala perhatian ke atas daya pengeluaran dan juga mutu (quality) barang-barang yang dikeluarkan di negeri ini.

Perhatian yang serius ke atas daya pengeluaran dan juga kualiti barang-barang keluaran terutama sekali amat diperlukan di dalam sektor perniagaan dan perindustrian bumiputera. Kemajuan bumiputera dalam sektor ini akan banyak bergantung kepada bagaimana Kerajaan dapat membantu mereka meninggikan daya pengeluaran juga meninggikan kualiti barang yang dikeluarkan.

Umpamanya, pada hari ini kalau sekiranya saya dapat tahu daripada Dewan Perniagaan Melayu orang yang di Afrika mengorderkan berjuta ela kain batik dan kain songket tetapi

pada hari ini kalau order itu hendak dipenuhi kualitinya daripada satu minggu ke satu minggu tidak sama. Ini kalau diharapkan bumiputera sahaja ataupun kain songket ataupun tembaga ataupun perak, kalau diharapkan bumiputera hendak menyesuaikan keadaan ini tidak akan berhasil sebab itu kita bergantung kepada Kerajaan supaya dapat menyesuaikan keadaan yang tersebut.

Pertumbuhan ekonomi juga berkait dengan penggunaan teknologi moden yang dapat digunakan oleh sektor-sektor swasta. Dalam hal ini Kerajaan seharusnya dapat memberi pimpinan dan panduan yang diperlukan oleh sektor swasta berkait dengan penggunaan teknologi-teknologi moden terutama dari segi menentukan supaya pelabur-pelabur asing memindahkan teknologi-teknologi mereka kepada orang tempatan. Dalam hal ini amat diharapkan supaya Kerajaan mengkaji dengan mendalam semua aspek yang berkaitan dengan pemindahan teknologi dan bagaimana cara yang paling sesuai dapat digunakan bagi menjayakan proses pemindahan ini demi kemajuan dan pertumbuhan ekonomi negara ini.

Bagi orang-orang Melayu dalam perniagaan dan perindustrian pula mereka amat mengharap supaya Kerajaan merangka kaedah yang tertentu di mana pelabur-pelabur asing akan bersedia bekerjasama kepada mereka dalam bentuk perhubungan perniagaan dan akhirnya nanti akan menghasilkan pemindahan teknologi. Ini yang susah daripada segi perniagaan-perniagaan orang Melayu kalau hendak diharapkan kita bertanding sahaja dengan perniagaan-perniagaan bangsa-bangsa asing, joint-venture dengan peniaga asing di luar negeri, macam yang akan datang ini kapal Belanda datang, 140 orang Belanda datang, memang sebahagian besar boleh dikatakan 90% daripada pedagang-pedagang luar negeri itu tidak hendak rapat dengan peniaga-peniaga Melayu melainkan daripada perbadanan-perbadanan yang ditubuhkan oleh Kerajaan. Sebab apa? Dia tahu kita belum berapa mahir dalam perniagaan tentu dia orang tidak hendak berkongsi dengan kita. Dengan sebab itulah kerjasama Kerajaan yang kita harapkan. Mereka mengajar kita—

ini balik macam zaman dahulu, masa orang tua-tua kita dahulu kahwin orang tua jodohkan, bukan kita cari sendiri, love macam sekarang ini, cinta dahulu baru kahwin—tidak, dijodohkan. Beginilah Kerajaan dapat menjodohkan perdagangan daripada luar negeri itu dengan perdagangan bumiputera yang ada. Ini untuk permulaan, kita bukan hendakkan ini selama-lamanya—tidak. Kalau diharap orang itu sahaja datang mencari kita payah kerana orang yang lagi cekap ada di atas kita ini, macam-macam dia boleh buat; dengan itu peluang kepada bumiputera adalah sangat kurang.

Seperti yang kita sedia faham pertumbuhan ekonomi adalah bergantung kepada pelaburan yang terdapat di dalam negara. Pelaburan pula adalah bergantung kepada tabungan yang dibuat oleh orang ramai. Di dalam Belanjawan ini Kerajaan telah mengambil langkah untuk meninggikan tingkat tabungan seperti melalui kadar caruman EPF yang lebih dan juga melalui pelepasan cukai kepada faedah yang diperolehi daripada tabungan. Langkah-langkah ini perlu mendapat penghargaan dan sokongan daripada rakyat. Ini kerana hanya dengan tabungan yang lebih sahaja barulah pelaburan dan pertumbuhan ekonomi dapat dipertingkatkan.

Namun demikian, ingin saya sebut iaitu kemerosotan kesediaan orang ramai daripada menabung yang sedang berlaku sekarang ini adalah disebabkan inflasi yang sedang berlaku. Tidak berapa banyak wang yang dapat disimpan oleh orang ramai dalam tabung-tabung yang berkenaan oleh sebab mana hendak menyimpan wang, inflasi kita sekarang tinggi walaupun kita rendah dalam Asia tetapi pada kita tinggi juga lagi wang itu dibelanjakan. Namun demikian, ingin saya sebut iaitu kemerosotan, kesediaan orang ramai daripada menabung yang sedang berlaku sekarang ini adalah kurang dengan kenaikan harga sentiasa berlaku sekarang orang ramai memikirkan lebih baik mereka membelanjakan wang sekarang daripada menabung di mana pada masa akan datang nilai wang itu akan merosot.

Peniaga, pengusaha terutama bumiputera yang terlibat dalam kerja-kerja kontrak pembinaan sentiasa menghadapi kesukaran

oleh kenaikan harga barang-barang berkenaan. Ini ada satu potongan suratkhbar The New Straits Times bertarikh 5-12-80, Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh mengatakan kontraktor-kontraktor yang tahun 1978,1979,1980 yang bumiputra sekarang ini boleh dikatakan lebih 90% yang menderita dengan kenaikan harga barang-barang ini.

Peniaga-peniaga berterima kasih kepada Kerajaan, Kerajaan bersetuju menimbang memberi harga itu lebih daripada harga yang ditendernya dahulu tetapi dukacita pelaksanaan ini sangat lambat daripada pegawai-pegawai yang berkenaan. Inilah diharapkan bagaimana soalan tadi apa juga dasar yang dibuat oleh Kerajaan memang baik, memang bagus, hendak menolong rakyat, tetapi melaksanakan dasar itu yang susah sedikit. Ini ada setengah-setengah pegawai yang dia ingat dia lebih besar, dia lebih berkuasa. Ini patut Kerajaan timbangkan, kalau ada tempat-tempat dihantar orang ini, proses kepala dia betul sedikit supaya dia mengikut dasar Kerajaan. Kalau tidak ada sampai bilapun Kerajaan membuat dasar pelaksanaannya tidak akan dapat berhasil. Oleh yang demikian, mengawal inflasi hendaklah dijadikan sebagai satu matlamat yang utama kepada Kerajaan. Dalam hal ini saya minta supaya dapat Kerajaan mengawal perkembangan bekalan matawang sejajar dengan perkembangan keluaran negara yang sebenar.

Pada hari ini pendapatan negara telah bertambah kira-kira 7% hingga 8% setahun. Oleh yang demikian, bekalan matawang hendaklah bertambah dengan kadar tidak melebihi 10% setahun. Saya percaya jika kadar perkembangan matawang tidak melebihi 10% setahun ini diamalkan, inflasi negeri ini akan dapat dikawal demi kebaikan semua pihak. Ini pada pendapat saya.

Cuba kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, orang kita pergi ke Singapura sekarang, bawa duit \$10.00 kalau tukar wang Singapura sampai \$1 dipotong, 50 sen potongan mengikut bank. Jadi kalau kita ke Singapura, walaupun dekat, cuma Selat Tebrau sahaja selisihnya wang kita sudah nampak benar kurang, wang Singapura lebih tinggi daripada kita dari segi kewangan. Ini saya telah

menyuarakan dalam Dewan ini dahulu kepada Menteri Kewangan dan Timbalan Menteri Kewangan pada masa itu, Datin Paduka Rafidah Aziz menjawab, saya katakan adakah money-changer di Causeway bagi menyenangkan orang ramai, bukan orang kaya, orang senang-senang memang dia pergi bank dia tukar wang \$5,000-\$100,000 tetapi orang yang susah, orang yang setiap hari pergi mencari makan dan balik itu, pergi kena tukar wang, balik kena tukar wangnya turun. Siapa yang susah Tuan Yang di-Pertua. Pagi tukar \$1 sudah kena potong 20 sen, balik 20 sen lagi, tukar di sebelah Malaysia pun turun, tukar di Singapura pun turun juga wangnya. Ini patut sangat Kerajaan mengambil tindakan mengadakan satu tempat tukar wang untuk orang ramai. Walaupun wang kita rendah tetapi mengikut rate yang ditetapkan oleh Kerajaan, bukan dengan suka hati sebagaimana yang berlaku pada hari ini.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka bercakap dalam perkara bantuan yang diberi oleh MARA sebagai bantuan kepada bumiputera, ini cukup bagus menolong bumiputera. Tetapi satu perkara yang tidak dibuat ialah follow-up atau hendaklah kita tunda balik, tengok peniaga yang telah meminjam duit kepada pihak MARA dan sebagainya itu, adakah orang itu boleh berniaga, tengok sedikit kira-kira orang itu dan sebagainya. Ini hendaklah diadakan pegawai bagi membuat follow-up mengikut tempat yang berkenaan.

Seperkara lagi yang mustahak saya katakan di sini ialah Dasar Ekonomi Baru Kerajaan yang mengatakan dalam tahun 1990 sekurang-kurangnya 30% ekonomi negara ada di tangan bumiputera. Apabila saya soal Menteri berkenaan dua hari yang lepas pada mula Dasar Ekonomi Baru dijalankan bumiputera cuma ada 4% tetapi hari ini sudah ada 11.4%. Ini adalah baik dan kita ada 9 tahun lagi hendak ambil lagi 19%. Saya percaya matlamat itu akan berjaya, tetapi dengan satu syarat iaitu apa yang diputuskan dalam Kongres Ekonomi Bumiputra yang dianjurkan oleh UMNO baru-baru ini dan telah dibuatkan satu buku yang cukup tebal dan cukup kertasnya oleh pihak UMNO dan telah diedarkan kepada Kerajaan dan kepada

Kementerian-kementerian yang berkenaan. Kalau usul ini Kerajaan dapat jalankan, walaupun tidak dijalankan semua, dijalankan sebahagian besar daripadanya pun saya cukup percaya sebelum tahun 1990 Dasar Ekonomi Baru yang dirancang oleh Kerajaan itu akan berjaya. Kalau tidak ini saya ingat payahlah hendak dapat dilaksanakan. Maka dengan itu akibatnya besok kurang baik kerana kepercayaan orang Melayu kepada Kerajaan kurang lebih cekap, kurang buat dan hasilnya tidak tepat. Ini cerdik-pandai Melayu yang mengadakan Kongres 3 hari 3 malam memecahkan fikiran, semua dapat dibukukan sekarang dan saya berharap benar supaya pihak Kerajaan dapat melaksanakan.

Satu perkara lagi saya hendak bercakap di sini dalam perkara Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH). LUTH ini baik dan bagus, dahulu macam-macam orang kata, tetapi kepada saya bagus saya selalu pergi ke Mekah tengok masalah ini bertambah baik dari setahun ke setahun. Apa yang mendukacitakan sangat tentang tambang, bagaimana tambang ini boleh mahal. Carilah jalan supaya dapat diatasi. Kalau kita pergi daripada Kuala Lumpur ke London dan balik ke Kuala Lumpur tambangnya \$2,200 tetapi kita pergi separuh jalan, pergi ke Jeddah balik ke mari tambangnya lebih \$2,000. In' yang saya pelik tetapi kalau naik kapal terbang lain, cuma lebih kurang \$1,000 pun dapat, saya tak suka sebut dalam Dewan ini nama-nama kapal terbang yang boleh dapat lebih murah lagi, tetapi bukan daripada dalam negeri kita. Itu sebab ada orang menuduh iaitu—ada satu agensi yang menipu orang pergi ke Mekah, ajak orang kita naik haji dengan kapal terbang prebet kena tipu. Betul yang kena tipu itu kita tidak mahu. Kita naik melalui LUTH ini betul saya sokong seratus-peratus, tetapi kapal terbang asing boleh dapat murah sama ada dia pergi dengan jalan Singapura ataupun dengan jalan Bangkok lebih murah daripada apa yang dibuat oleh LUTH sekarang. Jadi saya harap benar dicari jalan cara mana dapat mengurangkan tambang daripada yang ada sekarang.

Lagi satu perkara berkenaan di Mekah dan Madinah patut dibanyakkan lagi doktor dan kereta-sakit (ambulan) untuk merawat. Saya

tertarik hati menengok layanan doktor Turkey, dia buat kemah di tengah jalan yang lapang dan dinaikkan bendera Turkey. Siapa pun minta ubat, termasuk saya sendiri minta ubat senang diberi, tetapi kalau kita hendak cari hospital Malaysia kita jauh. Ini dicarilah jalan gunakan kereta ambulan itu supaya dapat memberi ubat menolong pesakit-pesakit dan ini adalah satu daripada jalan LUTH dapat menolong bakal haji kita.

Berkenaan TV Malaysia, saya suka bercakap sedikit, walaupun semua bagus, cuma saya sentuh satu perkara iaitu pelajaran agama dalam TV sangat baik, semasa Datuk Abdul Kadir Talib memberi syarahan agama, bukan sahaja budak-budak menarik bahkan orang tuapun tertarik tiap-tiap hari hendak mendengar, orang macam ini hendaklah dicari. Jangan orang yang bercakap panjang kita pun tak tahu hujung pangkal, kerana tak susah hendak menarik orang bukan Islam masuk Islam, orang Islam pun tak suka mendengar. Itulah daya syarahan memberi syarahan, semua orang boleh bersyarah tetapi daya menarik orang ikut kita itu adalah susah sedikit. Saya harap Menteri berkenaan cubalah dengar dan fikirkan cakap saya ini dan carilah pakar-pakar ugama, kita ada banyak pakar kita boleh dapat asal dibayar cukup.

Seperkara lagi berkenaan pelepasan cukai. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana dalam Belanjawan 1981 ada pelepasan cukai kepada syarikat-syarikat motokar cuma \$15,000. Apa kereta boleh dapat dengan \$15,000 kereta barulah, tak tahulah second-hand, barangkali hendak ikut angkatan tentera beli kapal terbang second-hand, barangkali kita disuruh beli kereta second-hand itu saya tak jaminlah. Jadi saya harap Kerajaan dapat menimbangkan supaya pelepasan cukai itu ditinggikan sekurang-kurangnya \$30,000 ke atas.

Lagi satu perkara saya suka bercakap dalam perkara angkatan bersenjata, dalam Belanjawan yang ada sekarang ini Kementerian Pertahanan dapat lebih kurang 13%. Ini sangat bagus, kalau dibesarkan lagipun tidak ada jadi halangan untuk menjaga tanahair kita dan saya sangat

menyokong saudara-saudara saya yang bercakap baru lepas tadi, biarlah dibeli senjata-senjata yang betul moden dan boleh dipakai. Jadi dalam angkatan bersenjata iaitu Polis ini saya harap Kerajaan segerakanlah menubuhkan Highway Patrol. Ini sangat mustahak. Cuba kita tengok suratkhbar pada hari ini di Johor Bahru sepasang suami isteri dikepong enam buah kereta dalam bandar Johor Bahru, dibawa ke Kota Tinggi dirompak dan sebagainya. Saya ingat perkara-perkara ini tidak akan berlaku atau kurang berlaku kalau sekiranya kita ada Highway Patrol.

Saya masih ingat lagi di negeri Johor pada tahun 1938 telah ditubuhkan Highway Patrol di seluruh negeri. Apabila Johor masuk dalam Persekutuan, Highway Patrol ini sudah dihapuskan. Jadi saya harap pihak Kerajaan dapat menghidupkan balik Highway Patrol ini dan diberikan motokar-motokar yang baru dan juga yang betul-betul laju dan berguna. Kalau diadakan Highway Patrol ini diberi kereta-kereta yang buruk seperti yang ada sekarang ini, saya ingat ini tidak memberi faedah yang besar kepada rakyat. Sekarang kebanyakan rompakan semuanya di tengah-tengah jalan, maka orang-orang yang berjalan siang-malam 24 jam di atas jalanraya kita ini terpaksa menjaga keselamatan rakyat, saya harap benarlah supaya Kerajaan mengambil berat dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak memanjangkan ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan saya berharap mudah-mudahan Belanjawan ini diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah.

4.12 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun turut sama mengambil bahagian dalam perbincangan perutusan Belanjawan 1981 yang akan datang.

Saya tidaklah mahu bercakap banyak dalam perkara ini kerana telah banyak diperbincangkan dalam sidang Parlimen hampir 3 bulan dan banyak keputusan telah

diberikan sama ada cukup bernas, kurang bernas atau galakan dan bangkangan. Dan hari ini pula di Dewan ini dibentangkan walaupun telah lama diperbincangkan tetapi adalah baru bagi Dewan ini turut kita membahaskannya.

Sebagai biasa dan sebagai makluman Rang Undang-undang ini memang telah pun diluluskan dan diterima dan telah pun berjalan dan dijalankan, tetapi saya cuma hendak mengingatkan sebagaimana firman Tuhan yang bermaksud: adalah memberi manfaat bagi mereka yang beriman. Inilah saya bangun.

Mengenai dalam perbincangan ini saya ingin menyentuh, pertama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Pada tahun ini amat banyak sekali menimbulkan isu-isu cemas bagi rakyat negara ini, rakyat terpaksa berfikir banyak, rakyat terpaksa berhati-hati dalam setiap langkah, rakyat terpaksa berjimat dalam setiap perbelanjaan dan rakyat terpaksa pula berfikir panjang, apa yang ia mahu buat dan apa yang ia mahu menghadapinya. Isu-isu petrol dan diesel telah berlalu telah dihadapi dengan cemas oleh para pengguna, sekejap hilang, sekejap naik dan terus naik hingga membuat tuan punya kenderaan diesel cemas kerana takut tidak ada minyak dan sekarang pula timbul bayaran cukai, jalanraya penuh dengan kereta-kereta diesel dan cukainya telah dinaikkan berlipat kali gandanya. Sekali lagi pengguna merasai cemas.

Hari ini kita sama-sama telah maklum kereta Mercedes 300D banyak yang hendak dijual kerana tidak sanggup pakai lagi kerana terpaksa berbelanja sehingga \$400-\$500 sebulan bagi cukai jalan sahaja. Dalam hal ini moral pemimpin-pemimpin tentulah akan terjejas dan janganlah dibandingkan pemimpin dengan jutawan atau hartawan yang sekeliling kita. Kita sama-sama maklum perbezaan dalam hal ini, maka diharap Kementerian yang berkenaan dapatlah hendaknya menganalisisakan supaya keadaan ini dapat disesuaikan dan kalau hendak dibuat eloklah Kerajaan fikir sekali lagi, kalau penanam padi, pekebun-pekebun kecil ada bermacam-macam subsidi, maka apalah salahnya rasa baik hati eloklah diberi juga

kepada bekas-bekas Ahli-ahli Yang Berhormat ini supaya moralnya tidak terjejas.

Gula dan simen telah menjadi bahan cemas terutama sekali gula, rakyat terpaksa menjelajah dari satu kedai ke satu kedai kerana hendak mendapat sekati atau dua kati gula itu pun kadang-kadang tidak dapat menyebabkan rakyat meghadapai kecemasan. Walaupun ada kempen mengatakan jangan pakai gula banyak-banyak, kata pihak kesihatan nanti mendatangkan penyakit. Saya hairan kenapa kempen ini baru diadakan? Kalau mendapat gula pun susah apa lagi hendak makan gula banyak, juga menjadi tandatanya orang ramai kerana Kementerian kata jangan beli gula banyak-banyak nanti menimbulkan inflasi kekurangan gula. Dalam masa gula kekurangan barulah Kementerian kata jangan beli gula banyak-banyak. Ini telah bertentanganlah sama sekali dalam hal ini sebagai kata yang popular sekarang ini "cakap tidak sama dengan bikin". Ada juga kata-kata bahan penting ini diseludupkan ke luar negeri. Tuan Yang di-Pertua, apa yang diharapkan Kerajaan janganlah menjadi cuai dalam banyak perkara kerana Kerajaan tentulah tahu bahan-bahan ini akan kekurangan importnya dari luar negeri, tetapi Kerajaan lambat bertindak menyekatkan penyeludupan bahan-bahan penting ini akan berkurangan dan kalau Kerajaan benar-benar tahu penyeludupan akan berlaku dan tahu pula tempat penyeludupan-penyeludupan berjalan dan tahu pula ada sindiket-sindiket penyeludupan bertindaklah hendaknya dengan tidak payah menunggu sehingga berlaku satu-satu kejadian, janganlah jadi seperti yang lalu diesel, gula, simen kata sahaja telah diseludupkan, kenapakah perkara ini amat dicuainya dan diharap bertindaklah segera hingga rakyat tidak terkapai-kepai apabila keadaan ini berlaku dengan tidak diduga.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beralih kepada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Saya sentuh sedikit walaupun pernah saya bercakap perkara ini di masa-masa yang lampau, tidak adakah belia-belie kita ini menjalankan projek berkenaan Islam dan Pembangunan, tidak

adakah hubungan belia-belie kita dengan belia-belie Islam lain-lain negara, apa rancangan belie kita dengan belia-belie Islam lain-lain negara, apakah projek belie kita dengan pembangunan dan perkembangan agama Islam dan apakah persediaan belie-belie bagi menceburkan diri ke dalam perkembangan dunia Islam akan datang dan di mana tapak pembangunan rohani belie-belie kita terhadap cabaran dunia Islam akan datang.

Saya berharap Kementerian ini dapat menganalisisakan lagi supaya belie-belie kita menjadi harapan pemimpin-pemimpin di masa yang akan datang, pemimpin yang betul-betul, tidaklah hanya beragama Islam sahaja tetapi akhlak, moral, amalan dan perbuatan merupakan Islam yang benar-benar Islam, hanya ikut-ikutan sahaja nanti akan menjadi bahan ejekan, akan menjadi bahan persoalan yang akan diperkatakan tidak habis-habis dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini masyarakat yang bukan Islam janganlah berkecil hati kerana saya membangkitkan perkara ini kerana ini adalah perkara pokok atau teras negara ini bagi masa-masa akan datang.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang patut Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini memikirkan apa yang saya pandang penting ialah setiap apa juga perayaan, sambutan atau keraian sama ada dalam negeri atau luar negeri, kalau berpanas di tengah-tengah lapang hanya terpulanglah kepada anak-anak gadis Melayu diketengahkan tetapi bangsa lain amat kurang, seperti Perbadanan Pelancungan yang bersusah payah berlatih menyambut, menabur bunga rampai ialah gadis siapa yang terdiri di tengah-tengah panas yang berjemer itu? Mereka ini menjadi alat kesukaan kononnya untuk pelancung-pelancung yang datang membuat lawatan. Tetapi kalau di majlis-majlis jamuan atau resepsi-resepsi, gadis lain pula diketengahkan; sayang seribu kali sayang. Inilah yang dikatakan kita janganlah hanya dijadikan alat untuk keseronokan pelancung-pelancung luar negeri sedangkan keuntungan dan pujian diserahkan kepada orang-orang lain.

Tuan Yang-di-Pertua, poster-poster gadis-gadis juga banyak perbezaan dan tidak sama mutunya antara satu sama lain, boleh sama-sama kita lihat. Apakah setiap tradisi kebudayaan negeri ini atau termesti kepada gadis-gadis ini sahaja atau bagaimana? Saya berharap Kementerian yang berkenaan supaya dapat memandang berat dan bertindak dari segi pokok yang penting ini. Maka yang lebih penting ialah Islam hendaklah dikemukakan supaya sesuai dengan keadaan negara ini dan bagi membentuk generasi-generasi akan datang sebagai pemimpin negara, janganlah jadi pemimpin-pemimpin di masa akan datang hanya pandai menari dan menyanyi sahaja tetapi hendaklah kita jadikan sebagai orang Islam yang tahu serba-serbi dari segenap bidang di dalam menghadapi masyarakat, amalan dan perbuatan sebagai orang Islam yang betul-betul bertanggungjawab. Sekali lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang bukan Islam tidak tersinggung dengan apa yang saya utarakan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meringkaskan, sekarang saya pergi pula kepada Kementerian Kesihatan. Saya akui buat masa ini bolehlah diberi tahniah kerana dapat membendung wabak-wabak penyakit daripada merebak. Tetapi jangan marah pihak Kementerian yang berkenaan kerana telah berlaku baru-baru ini ialah penyakit-penyakit yang tidak sedap kita sama-sama dengar iaitu apa yang telah berlaku ialah cara untuk mengatasi semua penyakit-penyakit itu tidak diberi, hanya sekadar nikmat penyampaian sijil sahaja. Pernah saya menghadiri sidang untuk penyampaian itu dan pernah saya mendengar nasihat-nasihat yang baik dan elok tetapi kepada masyarakat di kampung-kampung jarang mendengar nasihat-nasihat yang demikian rupa. Umpamanya, baru-baru ini penyakit mata, penyakit gatal, penyakit kulit di ulu-ulu dan di kampung-kampung pendalaman yang teruk sekali kena penyakit ini. Maka inilah kampung-kampung yang hampir kesemua penduduknya habis terkena penyakit tersebut tetapi Kementerian lambat bertindak dan nasihat serta kempen membasmu penyakit ini tidak digalakkan langsung dan tidak diberi apa-apa rawatan, hanya lambat sampai

kepada tempat yang berkenaan. Maka bagi rakyat yang mahu bertindak untuk menghadapi ini amat menyedihkan.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, kepada Kementerian ini supaya menyusun satu strategi dengan menubuhkan badan perhubungan penerangan dan kursus-kursus antara Kerajaan dan orang ramai di kampung-kampung bagi memberitahu untuk mengatasi dan mengenali setiap perkembangan yang melanda rakyat terutama sekali rakyat di luar bandar yang serba menghadapi kesulitan. Saya berterima kasih kalau ini dapat dilakukan agar rakyat sihat. Kita faham dalam pepatah ada mengatakan: Apabila rakyat sihat, maka negara pun sihat.

(Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada Kementerian Penerangan. Penerangan dan Kursus Tata Rakyat ini nampaknya hanya bermusim-musim sahaja, terutama kalau musim pilihanraya kecil nampaknya sungguh sibuk sehingga tidak cukup masa waktunya dan penceramah pun kadang-kadang hingga larut malam tidak tidur. Tetapi kadang-kadang sekali-sekali pagi sahaja, petang dan malam pula melopong sahaja, apa lagi kalau larut malam dan Kursus Tata Rakyat pun pilih tempat, pilih orang, tidak meliputi semua rakyat. Ada banyak cara bagi meliputi semua golongan rakyat tetapi tidak dibuat padahal banyak estet, badan swasta, badan perniagaan, badan sukarela dan madrasah, pertubuhan sukarela seluruh rakyat di negara ini maka wajib kita memberikan kursus-kursus tersebut.

Jadi kalau dilihat dari satu segi sahaja seolah-olah sesuka hati sahaja. Sebagai contoh saya gambarkan pilihanraya kecil Pengkalan Kota dengan pilihanraya kecil Kampung Bukit Raya, Kedah baru-baru ini. Amat jauh sekali bezanya kecergasan badan penerangan ini, walaupun ada alasannya akan diberi oleh pihak yang berkenaan tetapi kenyataan telah berlaku seperti yang telah saya katakan itu. Maka ini apa lagi yang hendak dihelakkan kerana kebenaran perkara ini di hadapan mata saya sendiri dapat dilihat.

Kepada Kementerian Dalam Negeri, baru-baru ini akhbar *Tamil Malar* pula menyiarkan rencana yang menghina ajaran Islam. Saya ingin tahu walaupun ada pada beberapa hari yang lalu pihak yang berkenaan menjawab, tetapi sebagai untuk diulangi lagi saya ingin tahu apakah kesudahannya tindakan Kerajaan dalam perkara ini:

- (1) Saya juga ingin tahu apakah Kerajaan sudah tahu apakah tujuan maka siaran itu disiarkan.
- (2) Saya ingin juga tahu apakah latar belakang maka siaran itu disiarkan juga sedangkan langkah dan tindakan Kerajaan kepada semuanya ini nanti, walaupun masih dalam siasatan katanya tetapi saya ingin tahu kerana ini betul-betul berlaku di daerah saya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal pilihanraya kecil yang saya katakan tadi, saya berbalik semula kepada pilihanraya kecil Pengkalan Kota, baru-baru ini saya menjadi tertanya-tanya kerana seolah-olah pilihanraya itu berlaku tidak dalam negara kita. Mengikut poster yang ditampalkan hanya antara 20% sahaja Bahasa Kebangsaan digunakan. Dalam kempen rumah ke rumah saya tidak tahulah kerana saya tidak sama mengikut dari dekat; barangkali Kementerian tahu apakah perkara ini sengaja dibiarkan kerana muslihat politik ataupun dibenarkan supaya rakyat ditempat itu terus menggunakan bukan Bahasa Kebangsaan yang digalakkan oleh Kerajaan. Juga iklan-iklan yang ditayangkan di sepanjang jalanraya kita ini nampaknya bahagian utama dibolot oleh minuman-minuman keras dan barang-barang keseronokan dan kesukaan sahaja. Tiadakah ada iklan agar rakyat tahu apa ada di daerah itu, apa patut dibuat di situ, apa patut rakyat buat untuk kemajuan akan datang, keamanan, kesejahteraan hidup rakyat di negara ini. Walaupun bukan badan perniagaan tetapi badan swasta juga, badan-badan berkanun juga dan tempatan ada banyak bahan-bahan yang boleh dibuat bagi menyedarkan rakyat dan menjinakkan rakyat di daerah negara kita ini dan menggalakkan rakyat berlumba-lumba merebut peluang

keemasan di masa akan datang. Saya ingin bertanya, kenapa tidak dibuat dan siapakah yang akan membuat ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali kepada Kementerian Pelajaran. Hari ini saya sungguh mengucapkan tahniah setinggi-tingginya kepada Kementerian Pelajaran atas ura-ura dan hasrat bagi mengadakan dan membuat Rang Undang-undang Disiplin kepada guru-guru dan murid-murid dan juga menganalisa dasar pelajaran di masa akan datang. Dalam hal ini, saya harap pihak Kementerian yang berkenaan laksanakan dengan tidak ada tolak ansur dan pandang memandang, tegaskanlah hal ini tetapi kalau sekiranya Kementerian yang berkenaan tidak melaksanakan, saya suka memberi ingatan supaya janganlah beri peluang kepada kami Ahli-ahli Dewan membangkitkan lagi di masa-masa akan datang.

Akhir sekali satu lagi perkara kepada pihak Jabatan Telekom. Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa sungutan sama ada kepada kedua-dua pihak iaitu tempat pembayaran telepon terlalu sesak sekali, contohnya ialah Jabatan Telekom di Petaling Jaya amat kecil sekali dan sempit tempatnya. Pegawai-pegawai di situ sampai hendak membuat pekerjaan di dalam jabatannya tidak selesa langsung kerana kesempitan. Bagi orang ramai yang hendak membayar bil pula berbaris di tengah panas yang terik, kadang kala menghadapi hujan yang lebat. Jadi soal ini patut sekali pihak yang berkenaan mengambil perhatian. Begitu juga kesesakan yang tidak habis-habis dan kesempitan di Jabatan RIMV. Ini juga yang sama keadaan dengan Jabatan Telekom tersebut. Maka kepada pihak yang berkenaan diharap dapat mengambil perhatian dan mengadakan tindakan yang secepat mungkin.

Akhir sekali saya dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentu tidak berapa hari lagi akan merasa kesedihan, kerana sampai masanya kita akan berpisah dengan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua di dalam Dewan ini tetapi kita bergembira pula akan sentiasa menemui Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kita di masa-masa berada di luar Dewan nanti. Apa yang patut saya ingatkan, alangkah baiknya pihak Parlimen mengadakan satu Majlis Jamuan

Perpisahan kepada kedua-dua Yang di-Pertua Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Negara kita sendiri yang begitu ramai sekali pada tahun 1980 ini bersara dan sambil itu pula kita sama-sama menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang baru ini datang sebagai mengalu-alukan Ahli yang baru untuk berkhidmat dengan memberi perkhidmatan yang cemerlang di masa-masa akan datang kelak sebelum akhir tahun 1980 ini nanti. Sekian, terima kasih.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Yang Berhormat Dato Seri Haji Hussein.

4.35 ptg.

Dato Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1981. Belanjawan tahun 1981 telah diumumkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan pada 18hb Oktober yang lalu. Ini telah disambut baik oleh semua golongan, semua peringkat dan semua masyarakat di dalam negara kita. Jikalau kita hendak bercakap-cakap di sini pun, hanyalah cakap omong-omong sahaja.

Sebelum saya bercakap tentang Rang Undang-undang ini, izinkanlah saya bersama-sama dengan rakan saya yang bercakap terlebih dahulu daripada saya. Oleh kerana Yang di-Pertua Dewan Negara, Tun Dato Haji Omar Yoke-Lin Ong akan bersara pada 31hb Disember, 1980 ini, mungkin kita tidak akan berjumpa selepas penangguhan Dewan ini pada 23hb dan mungkin semasa kita menyambung semula selepas tahun baru di mana kita akan mendapat seorang Yang di-Pertua yang baru.

Tun Dato Haji Omar Yoke-Lin Ong sudah terkenal dalam negara kita sebagai pemimpin negara yang telah bersama-sama dengan rakyat memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu masa itu dan sekarang Malaysia dan juga telah menjadi Menteri Kabinet beberapa tahun dan pernah juga menjadi Duta ke Amerika Syarikat dan balik berkhidmat sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara ini untuk selama beberapa tahun. Tentulah persaraan beliau itu kita berasa sedih dan juga oleh sebab perkhidmatan Tun

Dato Haji Omar Yoke-Lin Ong ini cukup cemerlang, cukup baik, jadi saya bersama-sama juga dengan rakan-rakan saya mengucapkan kepada beliau dan isteri beliau selamat bersara dan saya berdoa kepada Tuhan semoga melanjutkan usianya dan sentiasa beliau kedua ini dalam sihat walafiat.

Dalam Malaysia yang telah merdeka ini, kita telah dengar ada juga puak-puak pemimpin kita yang bertentangan dengan Kerajaan Barisan Nasional membawa kita balik ke zaman dahulu kala iaitu zaman tamaddun kita ini tidaklah baik. Jadi kebudayaan apakah yang kita hendak tunjukkan kepada pelawat-pelawat yang datang ke negara kita ini, sekiranya dibuat sambutan dengan gadis-gadis yang lawa, menyambut dengan mengadakan kompiang, dengan bunga telur dan bermacam-macam, itu pun tidak boleh. Fasal apa tidak ada di dalam jamuan-jamuan gadis-gadis bumiputera, itu pun mereka gaduh. Mereka hendak juga di dalam jamuan itu dan kita bersama-sama menari, sama-sama menunjukkan auratnya, baru dikatakan baik.

Jadi apa yang dibuat oleh Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia ini telah membuktikan bertambah-tambahnya orang luar datang melawat di dalam negeri ini dan memuji keadaan kebudayaan kita dan sopan santun rakyat negara ini. Ini adalah satu yang patut kita puji kepada Perbadanan Kemajuan Pelancungan ini kerana usahanya untuk menarik lebih ramai pelancung daripada luar negeri. Ini adalah satu punca pendapatan negara kita.

Saya hendak bercakap sedikit berkenaan dengan harta pesaka. Harta pesaka didapati sekarang ini banyak yang tidak dapat dibahagikan. Pertamanya ialah orang-orang yang duduk di luar bandar atau di kampung-kampung yang akan menerima harta pesaka. Kadang-kadang harta pesaka ini warisnya banyak, harta sedikit tidak dapat diselesaikan. Kadang-kadang harga nilai harta pesaka itu adalah terlampau besar sangat yang kena dibayar maka tidak dapat waris-warisnya mengeluarkan wang. Tetapi baru-baru ini Kerajaan telah memberi pengecualian harta pesaka yang bernilai \$50,000 dalam taksirannya dapatlah dikecualikan daripada cukai. Kerajaan kita

pula hari ini telah membuat beberapa rancangan untuk mempertingkatkan taraf hidup orang-orang luar bandar dengan adanya jalan, paip air, letrik di kawasan luar bandar maka tanah yang ada facilities ini telah naik melambung.

Misalnya pada hari ini kita dapati seekar kebun getah harganya sebanyak \$3,000. Seekar bendang harganya \$5,000, itu yang sehabis-habis murah. Dusun durian sudah naik \$8,000 seekar. Ini kerana nikmat daripada rancangan luar bandar yang dijalankan oleh Kerajaan kita hari ini. Maka jikalau nilai hanya sebanyak \$50,000 dikecualikan daripada cukai, pada hemat saya ini tidak cukup. Tentu masalah ini tidak dapat diatasi untuk menyelesaikan harta pesaka yang ada sekarang ini. Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kita supaya dapat mempertimbangkan agar nilai \$50,000 itu ditambah kepada satu jumlah yang menasabah.

Ramai orang bercakap berkenaan dengan rumah murah. Dalam surat khabar dan di dalam Dewan ini pun ada disebut rumah murah. Semalam Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri telah menyatakan bahawa istilah Melayu dan juga istilah bumiputera ini akan disemak semula. Apa dia Melayu dan apa dia Bumiputera. Saya sudah bercakap di sini, saya bukan bumiputera, saya orang Melayu di Dewan ini. Hari ini, Alhamdulillah, dia kata, dia akan tafsirkan atau definisikan Melayu itu dengan bumiputera. Tetapi serupa juga dengan rumah murah. Di dalam Dewan ini kita dengar ada orang berkata harga rumah murah \$15,000 di Johor; ada orang berkata di Perak \$22,000; ada orang Selangor kata \$38,000—mana satu rumah murah? Apa dia dasar atau definisi rumah murah itu? Adakah bentuk rumahnya dengan harganya atau bentuk rumahnya sahaja bukan harganya. Saya fikir tiap-tiap rumah murah ini tentulah berdasarkan berapa bilik, berapa besar kawasannya, dan apa bahan-bahan rumah-rumah itu, barulah disebut harganya.

Jadi kalau \$38,000 rumah murah di Kuala Lumpur maknanya dua tingkat, jikalau \$15,000 satu tingkat di Johor. Jikalau di Perak \$22,000 terrace house. Jadi mana satu? Kita mahu Kementerian Perumahan beri satu

polisi, beri satu istilah apakah itu rumah murah, berapa harganya, apa bentuk rumahnya barulah orang tahu. Jadi rakyat tidaklah berkejar sana-sini hendakkan rumah murah tetapi harganya tidak serupa, jadi tidak uniform di seluruh negara kita. Tiap-tiap negeri ada polisinya. Ini harus kita betulkan jikalau tidak orang ramai akan menjadi mangsa berkenaan dengan tafsiran rumah murah ini.

Berkenaan dengan Skim Pinjaman Khas. Saya mengalukan-alukan skim ini supaya \$50,000 tiap-tiap satu pinjaman tanpa syarat cagaran. Bunyinya sedap. Saya hendak suruh tuan-tuan atau Tuan Yang di-Pertua pergi pinjam \$25,000 dari Bank Bumiputra esok dengan tidak ada cagaran; tetapi guarantee mahu. Saya baca dalam dua tiga bulan ini dalam *Malay Mail* atau surat-surat khabar lain, ramai ahli-ahli perniagaan Melayu telah diisytiharkan bankruptcy oleh bank. Ramai—boleh kata hari-hari orang Melayu kita kena. Hendak declare bankruptcy, sama ada dia meminjam atau dia penjamin. Nampaknya ini kurang alasan di sini. Adakah cagaran ini tidak ada satu syarat yang lain iaitu syarat kena guarantee? Cagaran itu, tanah tidak ada cagaran tetapi guarantor mesti ada, jadi serupa juga. Kita beri tanah, kita beri rumah, serupa juga dengan guarantor. Kalau kita jadi guarantor dia tidak bayar, kita kena.

Ramai kawan-kawan kita kena pada hari ini bahkan kawan kita dalam Dewan ini pun ada yang kena kerana menjadi guarantor. Jadi siapa yang hendak mengambil berat. Ada lima orang guarantor: Ahli Yang Berhormat, Senator, Yang Berhormat Datuk-datuk, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Rakyat tetapi yang empat orang lagi itu Bank tidak ambil tindakan, dia buat tidak tahu—jointly and severally. Adakah ini adil? Adakah ini satu peraturan yang dibuat oleh Bank Negara untuk menganiaya seorang sahaja. Tanggungjawab itu adalah kepada semua yang menjadi guarantor. Ini tidak adil—tidak adil sekali peraturan Bank Negara ini. Sepatutnya kelima-lima orang atau ketiga-tiga orang, mengapa kepada si pulan itu sahaja dihantar warrant atau petition of summon to appear before court supaya menjawab tuntutan bayaran ini. Mana kawan kita itu tidak bertelanjang, tidak tidur

malam. Harta yang dibuat berpuluh-puluh tahun, tiba-tiba dengan serta-merta dapat lawyers' notice, court notice, siapa dalam dunia ini tidak terkejut begitu. Mengapa kepada orang lain tidak dibuat. Ini adalah diskriminasi yang tidak adil oleh pihak bank yang membuat semacam ini. Masakan bank mahu guarantor-guarantor ini. Sungguhpun bank ada syarat di situ—jointly and severally tetapi dia kena ambil orang-orang yang menandatangani dalam guarantor itu, tetapi bank sahaja hendak membunuh sebagai alat political assassination—membunuh orang-orang politik untuk digunakan weapon ini sebagai menjatuhkan seseorang pemimpin. Adakah ini adil? Adakah negeri lain menjalankan tujuan semacam ini? Saya ingat tidak. Saya pun pernah melawat bukan saya duduk di Kuala Lumpur sahaja, seluruh dunia ini saya sudah pergi, tidak ada dibuat semacam ini melainkan di Malaysia ini sahaja.

Ini saya mahu pihak yang berkenaan supaya meneliti hal ini, janganlah menjadikan ia sebagai political assassination atau membunuh orang-orang politik, pemimpin-pemimpin politik semacam ini. Tetapi apa yang diperuntukkan oleh Kementerian ini sebanyak \$50,000 tiap-tiap satu pinjaman tanpa cagaran. Ini saya fikir tidak lanjut, sebab jikalau begitu, saya mahu pergi ke bank esok, oleh kerana saya ada beniaga kecil sedikit, capital saya sebanyak \$50,000 boleh tidak saya pinjam sebanyak \$25,000 dia akan halau, go to hell with you. Saya harap perkara ini diberi penjelasan supaya rakyat, peniaga-peniaga kecil tahu apa maksud skim pinjaman khas ini.

Saya duduk di Petaling Jaya; dahulu dalam Dewan ini saya telah bercakap berkenaan dengan Municipality Petaling Jaya. Baharu-baharu ini kita sebagai tax payer—orang yang membayar cukai tanah di Petaling Jaya. Kita boleh bayar bukan kita tidak boleh bayar. Tetapi apa servicenya—apa perkhidmatan yang diberinya. Ini soal Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, apa dia boleh buat. Kalau tong di hadapan rumah kita itu berlambak kerana dicuci dan dicat rumah; mereka tidak ambil, mesti dia mahu baksis sekurang-kurangnya satu tong \$1, kalau 5 tong \$5. Berlambaklah sampah di

situ, bila hujan seperti sekarang ini datanglah nyamuk aedes membiak di situ. Datanglah pegawai anti nyamuk aedes, saman pula kita kerana buruh-buruh Municipality tidak mahu angkat sampah. Yang dia hendak ambil ialah tong plastik yang ditetapkan oleh Perbandaran Petaling Jaya. Dua kali dia campak dalam lori, tong itu penyek, beli lagi. Begitu juga orang potong rumput, bila rumput sudah jadi lalang, baharu dia datang potong. Apa mesin yang digunakannya untuk memotong lalang? Mesin kecil—panjang sahaja. Potong sahaja begitu, kemudian berhenti makan sireh, lepas itu potong balik. Kemudian makan ice-cream, ini bila hendak habis. Tidak ada supervisor, tidak ada mandor dan sebagainya. Sekarang hendak dinaikkan assessment 9%. Tak apa, boleh naik assessment, kita boleh bayar, tetapi service dari Municipality dan Bandaraya mestilah ambil berat atas perkara ini.

Apa yang kita hendak megahkan. Kita datang daripada Subang Airport melalui Petaling Jaya, melalui Kuala Lumpur, apa yang kita tengok, bunga. Bunga pun bunga hendak mati—bunga putih yang hendak layu. Ini hendak menunjukkan kepada pelawat-pelawat kita, oh! kita mesti elokkan Bandaraya, kita mesti elokkan City Council kita, tanam bunga dan sebagainya. Mana-mana di simpang jalan ada pokok bunga tetapi sudah hendak mati, tidak ada disiram dengan air. Kalau kata nyamuk pula bermacam-macam nyamuk ada di Petaling Jaya. Hendak kata telefon, sepanjang masa rosak. Kadang-kadang berbunyi, kadang-kadang tidak berbunyi. Hendak katakan air, tengah-tengah mandi air tidak ada—tidak ada warning diberi. Hendak kata elektik, bila hujan sedikit, bunyi petir sedikit, sudah tidak ada elektrik. Ini apa yang kita hendak bayar 9% ini lagi, kalau service tidak ada. Tiap-tiap orang yang membayar tax adalah untuk service di dalam satu-satu bandaraya bukannya untuk didirikan bangunan atau sebagainya—itu lain, itu datangnya daripada peruntukan Kementerian untuk satu-satu rancangan.

Jadi saya hairan kadang-kadang itu jikalau orang buat rumah, dia taruh sahaja batu-bata di tepi jalan, sampai kita hendak jalan kereta pun sempit, dua kali jalan kena paku pada

motokar kita, tak peduli. By law tak boleh obstruct jalan raya, mengapa PJ authority tidak ada tengok rata-rata tempat itu bila ada obstruction, hendak taruh pasir-pasir, hendak taruh kayu-kayu. Jadi kepada Menteri Kerajaan Tempatan yang menjaga hal ehwal semua municipality atau bandaraya mestilah lihat ini. Janganlah perkara ini sampai berlaku. Dahulu saya sudah bercakap sedikit tak ada organisasi, tidak ada kerjasama antara satu department dengan satu department di dalam bandar PJ dan juga Bandaraya Kuala Lumpur.

Di Kuala Lumpur, Tuan Yang di-Pertua, tengok di Pudu Road, kawasan dekat simpang United Engineers, hendak masuk ke Sungai Besi, hendak buat bulatan berapa lama hingga hari ini pun belum siap, sudah hampir-hampir 5 tahun, korek-korek juga, siap tidak juga, paku-paku juga, simen-simen juga tetapi siapnya tidak. Berkenaan dengan jalan through-pass bermacam sekali kita kena ikut, kadang-kadang ini tak apalah boleh masuk, kadang-kadang ini tidak boleh masuk kerana obstruction, keadaan bottle-neck di situ, traffic tidak dapat flow, jadi siapa hendak disalahkan. Jikalau kita soalkan berkenaan dengan Kuantan Port rosak, begitu-begini, hendak katakan Subang Airport retak, hendak katakan Bangunan Parlimen ini sudah bocor, ini bukan soal kita, ini soal JKR. Jikalau JKR beri tender satu-satu tender mesti ada syaratnya, mesti ada penalty clausenya. Jikalau tak boleh siap pada masa yang ditentukan dia kena denda (fine) beratus ringgit satu hari, melainkan satu kontraktor itu lari. Siapa yang bertanggungjawab di atas kontraktor itu lari, bukan kita, bukan bandaraya tetapi JKR, bertanggungjawab, engineerinya dan juga supervisornya dan orang yang bertanggungjawab yang memberi tender kepada tenderer itu. Mengapa tidak ada siapa yang ambil tindakan hinggakan hari-hari bottle-neck traffic di kawasan itu. Kadang-kadang orang naik bingung, hendak pergi ikut highway di sini tak boleh juga, macam itu juga bottle-neck depan Lornie Road, depan Istana Agong pun bottle-neck. Jadi macam mana kita hendak plan.

Tengok dalam kawasan Parlimen ini. Saya pergi ke Belfast menegok satu Parlimen di Northern Ireland punya cantik bangunan, di

depan bangunan itu semua green, semua taman-taman bunga, bila petang ramai penduduk-penduduk di Belfast datang ke situ menengok kemegahan. Hari ini saya takut Bangunan Parlimen yang ada kawasan terpagar ini harus diambil oleh JKR untuk rancangan itu, rancangan ini. Jadi besok kita bermesyuarat di tepi jalan (*Ketawa*) sebab ini sudah jadi jalan raya, through-pass. Mana ada di Kuala Lumpur ini satu tempat orang, kanak-kanak bermain, mengambil angin sebelah pagi atau petang untuk hendak buat jogging atau exercise, di mana? Inilah ada satu tempat yang dekat di bandar, dekat di rata-rata kawasan. Ini sudah kena sedikit kerana development kerana hendak naikan bandaraya dengan complex perumahan kena ada satu jalan lain.

Lagi satu, Sungai Besi kepunyaan ramai orang Melayu. Ramai orang Melayu dapat tanah untuk cottage industry. Jalan Satu sampai Jalan Lapan itu semua diberi oleh Kerajaan kepada orang Melayu menggalakkan mereka membuat cottage industry tetapi sekarang saya tak tahu sama ada orang kepunyaan Melayu ataupun sudah tukar milik. Siapa hendak pergi, pergilah ke Jalan Chan Sow Lin itu. Saya di situ sudah ada tanah syarikat saya, sudah hendak buat joint-venture dengan Australian Company. Bila ditengoknya kawasan itu, "My God", katanya, pergi ambil di Shah Alam. Jadi kita dengar town planning, city planning hendak buatkan Kuala Lumpur ini satu sky city, hendak buat apa itu. Perkara jalan ini cuma setengah-setengah company sudah bayar deposit kepada Municipality, kepada City Hall iaitu bahagian contribution suruh buat jalan tetapi tak dibuat jalan kerana squatters di situ tak dapat hendak keluar squatters itu dipunyai oleh parti Opposition atau parti itu adalah satu parti yang masuk di dalam pemerintahan kita hari ini. Hendak kira partikah, hendak kira kemajuankah, hendak kira apa? Tetapi jikalau company saya buat sedikit sahaja extension, saman datang, inspektor datang, Yang squatters banyak itu tak dipedulinya. Apa ini? Apa mereka buat, hendak buat hotelkah, hendak buat komplekskah. Kita sudah bayar minta tanah lagi, ini pun tak terbuat. Bila kita minta, itulah, ini, inilah, itu. Apabila kita patuh syarat-syarat apabila mereka hendak buat tak jadi fasal squatters.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit berkenaan dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Saya tidak mahu bercakap semasa 13 tahun saya di Lembaga Urusan dan Tabung Haji sebagai Pengerusi sebelum saya masuk Dewan ini. Kita boleh senang bercakap dengan masalah itu, masalah ini berkenaan dengan Tabung Haji. Tetapi manusia yang kita hendak jaga itu seorang manusia ada beberapa masalah. Kalau 14,000 orang pergi haji tentulah 14,000 masalah kepada tiap-tiap orang. Macam negara kita ini ada 7 atau 8 juta orang, kita tidak dapat hendak beri perkhidmatan kepada 7 million dalam Malaysia sebab haji kadang-kadang masa fixed, semasa masuk ke musim haji bukanlah negeri kita sahaja, tetapi seluruh negara-negara Islam. Selagi ada umat Islam di dalam dunia ini tentu haji ini akan ada tiap-tiap tahun. Masalah ini akan timbul daripada satu tahun ke satu tahun, tetapi perkhidmatan Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini pada pendapat saya adalah satu perkhidmatan yang cukup baik dan teratur jikalau dibandingkan dengan negara-negara yang lain. Kita boleh bandingkan dengan Indonesia yang dahulunya telah menubuhkan Panitia Perjalanan Haji Indonesia, dahulu daripada kita tetapi cita-cita mereka tidak tercapai sehingga hari ini dan cita-cita kita telah sampai dahulu dengan Ungku Aziz Report.

Teguran yang dibuat oleh saudara-saudara kita di dalam Dewan ini adalah baik, bukan tidak baik-baik. Ada yang tepat, ada yang tidak tepat. Yang tepat itu akan menjadi panduan, yang tidak tepat itu susah hendak ditimbang. Saya boleh cakap begini sebab 13 tahun saya di situ, sayang. Daripada Tabung Haji itu simpanannya \$63,000 waktu saya bersara atau berhenti daripada Tabung Haji \$300 million. Daripada orang yang pergi melalui Tabung Haji bermula dengan 70 orang, hari ini 14,000 orang. Ini satu kejayaan Tabung Haji.

Dari segi perkhidmatan, walau apa perkhidmatan sekalipun, sama ada kedokteran, pasport, layanan makan, layanan di Mekah, pencarian orang yang hilang, semuanya dapat diuruskan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Daripada mulanya seorang hamba Allah muslim

berniat hendak pergi haji dan mendaftar dengan Tabung Haji, daripada situ telah dilayan sampai masa hendak terbang hingga dia tiba di Jeddah, sampai dia naik haji dan sampai dia balik semula ke Malaysia ke rumah isterinya, telah dilayan. Tidak ada sebuah negara dalam negara Islam yang boleh membuat begini.

Kita patut megah rahmat yang diberi oleh Tuhan kepada negara kita ini yang menunjuk kita ke jalan yang baik, yang kebajikan melalui Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini dan juga memberi semua perkhidmatan kepada umat Islam yang menunaikan haji.

Doktor di Mekah, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada doktor yang boleh dibandingkan dengan lain-lain negeri melainkan doktor dari Malaysia. Tempat doktornya, layanannya bukan sahaja kepada orang haji kita bahkan siapa yang ada, umat Islam di Mekah hari itu dilayan jikalau datang ke Pejabat Perubatan Lembaga Urusan dan Tabung Haji di Mekah ataupun di Mina. Ini yang saya rasa kadang-kadang terpaksa saya bangkit di sini kerana kesayangan saya kepada Tabung Haji sebab saya ada campur tangan selama 13 tahun. Walaupun saya sudah umur lanjut ini jikalau Kerajaan menawarkan kepada diri saya sebagai kakitangan Lembaga Urusan dan Tabung Haji saya rela dengan tidak ada bayaran sebab kemuliaan, nikmatnya ada di situ daripada lain-lain pangkat yang ada di dalam dunia ini. Jadi apa yang saya hendak bercakap di sini—syor saya dalam Tabung Haji ini sedikit sahaja, cuma dalam terms of reference Tabung Haji dalam Akta Tabung Haji ini sedikit sahaja, cuma dalam terms of reference Tabung Haji dalam Akta Tabung Haji ini yang mengatakan Tabung Haji ini sampai dia balik daripada menunaikan fardu haji, tetapi oleh sebab perubahan keadaan dunia sekarang dan kesejukan kita menuju kepada kejayaan dan orang Islam sekarang telah bangun kepada kemajuan, jadi ramai orang tidak dapat hendak pergi menunaikan fardu haji kerana masanya. Masa yang diambil sekurang-kurangnya 29 hari ataupun sebulan lebih jika kita hendak duduk lama di Madinah. Tetapi selepas menunaikan fardu haji, hari ini didapati ramai orang yang menunaikan umrah, tiap-tiap minggu penuh orang pergi umrah sama ada dengan

kapal terbang MAS atau China Airlines. Ramai malahan beribu-ribu. Saudara kita Tan Sri Datuk Abdul Razak Haji Husain akan buat umrah pada 20 haribulan dengan kapal terbang MAS.

MAS dibenarkan ini sebagai pelancung, orang hendak pergi melancung ke tanah suci dan ia berilah atas kehendak-kehendak kita hantar program ke sana sini tengok tempat sejarah, membuat umrah dan juga melawat makam Nabi di Madinah supaya dapat orang pelancung itu berjemaah di masjid Nabi dan juga memberi seorang pemandu untuk membawa kita ke tempat-tempat itu dengan makan dan hotel semua siap. Demikian urusan umrah. Saya tak tahu pandangan Dato Menteri kita. Saya bercakap ini, saya bukan ustaz, boleh ditegur. Mengapa orang pergi umrah beramai-ramai, saya pun hendak pergi umrah kalau diizinkan Tuhan, pada 27 haribulan ini. Barangkali di musim haji itu dia belum berniat dan lepas haji orang sudah habis balik, baru dia berniat, misalnya satu-satu orang tak dapat keizinan menunaikan haji, tetapi dia ambil kesempatan buat umrah kerana Nabi buat haji sekali sahaja tetapi umrah beberapa kali. Ini hukumnya sunat.

Jadi apa yang saya kata di sini sudah kita tubuhkan satu agensi Kerajaan yang bernama Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Mengapa Tabung Haji tidak boleh melanjutkan perkhidmatannya kepada rakyat kita yang Muslim pergi buat umrah. MAS adakan mubaligh, ajar salah atau betul kita tak tahu asalkan orang boleh bercakap bahasa Melayu. Tetapi dengan adanya Tabung Haji yang expert yang kita katakan pakar berkenaan haji, patut melanjutkan perkhidmatannya di dalam umrah juga. Kapal terbang tak susah, sebab MAS tiap-tiap minggu pergi ke Jeddah daripada Subang Airport. Kalau kita hendak buat umrah, ada pegawai kita atau Tabung Haji; masa ini semua pegawai Tabung Haji telah balik ke Malaysia apabila musim haji habis tetapi ada pegawai Tabung Haji yang warganegara di Saudi bekerja di sana dan juga pegawai kita ada di sana, mengapa mereka tidak boleh menjalankan urusan umrah.

Sekarang misalnya, saya bercakap dengan Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan

ihram. Ada orang kata kita mesti ihram pakai putih sahaja, seluar tak boleh, pakai ihram daripada Subang Airport, tetapi niat 3 jam atas kapal terbang, baru niat hendak buat umrah dan ihram. Pada masa dahulu tidak begitu, dahulu bila kita tiba di Jeddah, setelah kita duduk satu hari di sana esoknya kita pergi ke Mekah, buat menunaikan umrah yang pertama, sudah duduk di sana ke berapa kali umrah kita, boleh buat dengan ihram.

Sekarang ini naik kapal terbang pukul 11 malam dengan hawa sejuk dan pakai ihram. Bagaimana keadaannya tidak boleh pakai seluar dalam, jadi macam mana rasanya. Bila kita tanya, siapa yang suruh begini? Dia kata, Mufti daripada Mekah, kalau tidak, tak sah. Bagaimana diri saya, bagaimana diri tuantuan yang telah membuat ihram, sah atau tak sah? Saya buat ihram cara lama. Ini masalah yang timbul jikalau tidak ada Tabung Haji sebab jawapannya itu kita dapat maklumat daripada MAS. Betul atau tidak, kita tak tahu. Jadi ada beribu-ribu manusia daripada sini, orang-orang yang mengambil umrah. Jadi tak sah. Jadi ini satu masalah. Bagi bakal haji untuk menunaikan fardhu haji jika daripada sini kita tak mahu pakai ihram, tak mahu niat daripada satu tempat yang tertentu maka kita kena bayar dam, tetapi umrah tidak ada dam. Ada dam? Ada dam murah? Itu saya tak tahu, tetapi saya tak bayar dam semasa umrah melainkan di masa fardhu haji, itu kena. Tetapi masa di luar daripada musim haji, saya tak bayar dam. Ini adalah pendapat. Jika tak ada diterangkan, kita akan sesat. Ini saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat selesaikan perkara ini supaya perkhidmatan Tabung Haji ini patut dilanjutkan, sebab kita ada staff, ada kakitangan di Jeddah, boleh mereka bekerjasama dengan MAS atau kapal terbang lain.

Pada akhirnya sekali berkenaan dengan gula. Ada orang mengatakan mana tak shortage gula, kapal itu datang, kapal itu juga yang balik. Masuk ke Pulau Pinang, keluar balik ke Pulau Pinang; masuk ke hulu, keluar ke hilir, kata orang Perak. Jika satu-satu benda yang shortage, mestilah ada sebab-sebabnya. Kata sahabat saya tadi, shortage akan menyusahkan surirumah tangga hendak

beli. Mana tak susah, setiap hari beli, 5 kati, 5 kati mana tak shortage. Jikalau semua suri rumahtangga setiap hari beli gula di pasar, mana cukup. Itu satu sebab, Tuan Yang di-Pertua. Isteri saya buat begitu, saya marah: Awak ini apa hendak makan gula banyak-banyak, saya tak makan gula banyak. Apa sebab hendak simpan gula banyak-banyak? Apa faedah hari-hari beli 2 kati, 3 kati simpan di rumah. Awak tahu, kalau semua orang macam ini pergi ke kedai itu, pergi kedai ini kerana hendak simpan gula banyak-banyak. Buat apa? Itu satu shortage, tetapi saya bawa jalan lain dan soal ini jalan lain bukan fasal suri rumahtangga—tidak.

Dari angka statistik yang didapati daripada pengilang-pengilang gula walaupun di Prai ada pembelian tambahan (lebihan) yang bukan-bukan daripada kilang-kilang susu hingga tambahan ini boleh dikatakan hampir 20% tingginya daripada biasa dan apakala kilang susu hendak buat susu pekat (condensed milk), di mana ada kontrak susu ini sama ada susu ini boleh dijual ke negeri lain atau tidak, itu soalnya, betul atau tidak? Ada tambahan daripada pengilang-pengilang susu membeli gula semasa heboh-heboh shortage ini daripada biasa pada tahun-tahun yang sudah-sudah kerana ada kenaikan tambahan yang lebih kepada hampir-hampir 20% untuk membuat susu pekat untuk dijual. Tetapi bolehkah kilang-kilang susu ini mengeksport susu ini ke Singapura atau Hongkong? Sebab pasaran susu pekat ini di Malaysia sahaja murah, di tempat lain tinggi. Jikalau harga susu tinggi, misalnya di sempadan Siam nanti smugglers pun datang, ini cara penjualan susu bertin atau berkotak berlori-lori dihantar ke Singapura melalui causeway Johor.

Adakah boleh atau tidak dibawa susu pekat (condensed milk), ini satu punca yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Adakah atau tidak practice ini berjalan sekarang; jikalau ada hendaklah disiasat supaya dapat mencegah kenaikan membeli gula lebih banyak daripada biasa dan mengapa kilang-kilang susu hendakkan bekalan yang berlebihan, sedangkan dalam TV mengatakan jimat makan gula, tetapi dia tidak kata jimat makan susu manis

(condensed milk), jadi orang makan condensed milk. Jika hendak dikira ianya mendatangkan penyakit iaitu sakit kencing manis, bukan makan gula sahaja susu pekat lebih manis daripada gula biasa, betulkah atau tidak Datuk? Betul! Ini saya hendak tahu sama ada benar atau tidak pendapat saya kerana saya dengar perkara ini daripada orang ramai.

Saya tidak hendaklah bercakap mengenai perkara lain barangkali yang lain-lain itu telah pun dicakapkan oleh kawan-kawan saya dan saya tidaklah hendak mengulang balik percakapan yang telah dicakapkan atau tajuk-tajuk yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap terdahulu daripada saya.

Saya hendak bercakap mengenai satu perkara iaitu inflasi. Saya cukup tertarik dengan interview yang dibuat oleh TV Malaysia dengan Menteri yang berkenaan iaitu Pemangku Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir. Dalam TV rancangan Forum bersama-sama dengan journalists kita yang ada di Kuala Lumpur ini daripada semua pihak suratkhbar ada menerangkan berkenaan dengan inflasi yang menjadi tajuk perbincangan. Itu adalah jelas, jawapan Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri menyatakan inflasi tadi yang kita sebut sungguhpun Kerajaan kata tidak sampai 7% kita menghadapi sekarang, tetapi base atas barang-barang kemampuan iaitu barang-barang harian seperti gula, beras yang diberi subsidi oleh Kerajaan.

Inflasi yang kita tafsirkan bukan berkenaan commodity, tetapi berkenaan dengan barang-barang yang diimport daripada luar negeri. Misalnya tidak berapa lama dahulu kita baca dalam suratkhbar ada beratus ribu reconditioned (second-hand) cars diimport daripada luar negeri ke negara kita dengan special permit yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Tetapi kita nampak reconditioned cars ini bukannya car yang kita dapat beli dengan harga murah iaitu lebih murah daripada second-hand car yang kita hendak beli di Jalan Pudu yang mana banyak second-hand cars yang murah. Keadaan ini bukan hendak menurunkan harga tetapi hendak

maka mereka mengeluarkan dan menjual pula getah dan bijih yang dibeli dari negeri ini dengan harga yang murah daripada harga yang mula dibeli dari negara ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Ini sudah satu pengalaman kita bagaimana kita telah menghadapi soal pertumbuhan ekonomi daripada negara orang lain sehingga menjejaskan harga getah iaitu bahan mentah dari negara ini. Jadi Malaysia sebagai sebuah negara Malaysia sepatutnya strategi Anggaran Belanjawan ini adalah berdasarkan atas keadaan daripada pertumbuhan ekonomi dalam negeri ini sendiri. Inflasi yang terdapat di Amerika adalah berlainan daripada inflasi yang terdapat di negara kita Malaysia. Lebih baik dari segi pertanian. Kalau di Amerika seseorang yang mempunyai ladang kacang tanah seperti Presiden Jimmy Carter dan hasil kacang tanah atau hasil pertanian semuanya dihantar ke kilang perindustrian, boleh dijadikan mentega kacang atau kacang ditinkan tetapi kacang tanah kita yang ditanam di Menglembu Perak yang hanya boleh diproses setakat menjadi kacang goreng dan kacang rebus ataupun dipek di dalam plastik. Jadi ini sudah kita buat pertimbangan yang berlainan daripada segi struktur pertanian di antara Malaysia dan Amerika.

Dalam pertumbuhan ekonomi ini saya fikir, kita sebagai sebuah negara mestilah mempunyai cara persendirian dalam melaksana strategi belanjawan negara kita. Dan daripada satu sudut yang kita lihat yang mana mengancam keadaan inflasi di negara kita ialah daripada sikap negara-negara perindustrian yang sudah maju seperti Amerika Syarikat ataupun negara-negara barat dan di sini terdapat beberapa sebab yang mana inflasi ini telah wujud di negara kita ataupun di negara-negara yang sedang membangun. Misalnya, dasar luar Amerika ataupun dasar yang baharu yang akan dibuat oleh bakal Presiden baharu Amerika, Ronald Reagan, sekiranya dasar luar negeri baharu itu tidak dapat diterima di mana-mana juga negeri, maka sudah tentu ini juga mengakibatkan beberapa sebab yang kenaikan harga barang-barang dan sebagainya ataupun seperti mana harga

minyak. Jadi dalam dasar luar ini juga boleh menyebabkan seperti OPEC iaitu sebuah pertubuhan negara-negara pengeluar minyak akan menaikkan harga minyak yang lebih tinggi dan ini akan mengakibatkan kepada negeri-negeri yang sedang membangun. Seperti Jepun dan Amerika, mereka bersedia menerima apa sahaja sebab kedua-dua negara ini atau negara-negara yang lain mereka sudah lengkap dengan perindustrian dan mempunyai kewangan yang lebih tinggi. Dengan adanya tindakan OPEC ini tiap-tiap bulan kita telah mengikuti OPEC persidangannya menaikkan harga minyak. Jadi inilah juga akan mengakibatkan inflasi yang akan berlaku di negara kita.

Sebagai sebuah negara Malaysia ini iaitu gabungan dalam negara-negara ASEAN, saya berpendapat bahawa kalaulah negara kita ini dapat mengeluarkan hasil-hasil minyak yang lebih seperti yang terdapat di Trengganu, Sabah dan Sarawak dan sebagai anggota ASEAN, Indonesia adalah salah sebuah negara yang juga menjadi pengeluar minyak yang terbesar di rantau ini. Untuk membuat satu perbadanan bagi menyaingi OPEC ini iaitu sebelah rantau Asia Tenggara patutlah saya fikir di negara-negara ASEAN ini menubuhkan satu perbadanan eksport minyak ataupun dalam cadangan saya kepada PETRONAS supaya dengan adanya minyak ini iaitu sebagai satu sumber tenaga dalam negara ini ianya akan menjamin kekokohan ekonomi di antara 30 atau 40 tahun yang akan datang, itu patut atau dicadangkan oleh Petronas menubuhkan satu perbadanan yang menyerupai dengan OPEC yang mana saya maksudkan badan ini adalah APEC ataupun ASEAN Petroleum Exporting Corporation. Jadi dengan adanya badan ASEAN Petroleum Exporting Corporation ini atau bahasa Malaysianya 'Perbadanan Eksport Minyak ASEAN, sudah tentu kelima-lima buah negara dalam ASEAN ini akan dapat menyusun strategi pembangunan ekonomi di semua negara dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di dalam negara-negara ASEAN ini seperti menapis minyak (refinery) yang terdapat di Indonesia dan di Pulau Bukum Singapura dan satu di Melaka yang akan dibuat iaitu salah satu penapis minyak yang terbesar di negara ini. Jadi, dalam jangka panjang saya percaya negara

kita Malaysia akan menjadi sebuah negara tumpuan kepada negara-negara barat dan bantuan sains dan teknologi dalam kepakaran mencari gali minyak di perairan Malaysia ataupun di seluruh dasar lautan ASEAN ini akan berkembang.

Kita telah melihat bagaimana keadaan di sebelah Asia Barat dan juga pertelingkahan, peperangan di beberapa buah negara-negara di Arab yang mereka itu adalah anggota kepada negara-negara pengeluar minyak iaitu OPEC. Jadi, dalam pandangan saya kestabilan politik dan ekonomi di negara-negara OPEC ini tidak akan dapat terjamin memandangkan keadaan di negara itu. Jadi, semua negara-negara telah menaruh perhatian kepada Malaysia khususnya negara kita dan juga ASEAN iaitu sebuah pertubuhan yang mempunyai kestabilan politik, ekonomi, sosial dan sebagainya. Dengan hal bila mana APEC ini iaitu ASEAN Petroleum Exporting Corporation bila dapat ditubuhkan oleh Petronas bersama dengan Pertamina dari Indonesia, saya percaya ianya akan menjadi satu perbadanan yang akan mengadakan beberapa rundingan dengan OPEC bagi menentukan masalah-masalah tenaga iaitu ehwal minyak mahu pun daripada segi harga dan ini sudah tentu perbadanan ini akan dapat melindungi bagi keperluan negara.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir keadaan yang berterus-terusan daripada sengketa perang Iran dan Iraq ini yang kita sendiri melihat bagaimana minyak-minyak yang menjadi sasaran perang. Kalau di Malaysia kita selalu mengeluarkan pepatah marah kepada nyamuk kelambu dibakar. Tetapi keadaan di Asia Barat di antara Iran dan Iraq; marah kepada peperangan loji minyak dibakar. Jadi ini adalah satu yang meragukan kepada kita bila mana keadaan negara-negara OPEC ini khususnya negara-negara Arab terus meletus dalam peperangan sahaja, jadi kalau kita masih mengharapkan dari sana daripada negara ini sudah tentu kita tidak akan dapat mengatasi inflasi mahupun apa yang diperlukan oleh negara kita yang sedang membangun pesat. Jadi oleh kerana bahan-bahan hasil bumi ini terdapat di negara kita di Malaysia ini dan juga di negara-negara rantau ASEAN, maka saya percaya

bila ini dapat diwujudkan misalnya, perbadanan minyak negara-negara ASEAN ini ianya akan menjamin bukan hanya daripada segi pembangunan ekonomi tetapi akan juga membawa lebih banyak pertukaran sains dan teknologi kepada negara ini khususnya negara-negara ASEAN.

Mengenai soal pertahanan, Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang diperuntukan adalah lebih kurang \$3 billion lebih bagi pertahanan ini seperti mana dalam Dewan yang mulia ini pernah dibangkitkan. Jadi soal pertahanan ia hanya tertumpu kepada membekalkan kepada angkatan tentera udara semata-mata. Bila kita kaji keadaan di sekitar negara kita ini seperti mana Cam Ranh Bay atau Telok Cam Ranh di Vietnam yang mana pengkalan itu telah mula digunakan oleh tentera laut Soviet Russia. Di samping itu Kerajaan Parti Komunis Republik Rakyat China juga menguatkan tentera lautnya di rantau Lautan China Selatan. Jadi, kita di Malaysia ini sepatutnya juga menguatkan memberikan peruntukan, kemudahan-kemudahan dan kelengkapan-kelengkapan kepada Tentera Laut Di Raja Malaysia supaya kita dapat mengimbangkan kedudukan perairan di seluruh negara. Misalnya, beberapa bulan yang lalu di antara tahun 1980 ataupun bulan Februari yang mana beberapa buah kapal-kapal selam Soviet melalui Selat Melaka, ini tidak dapat dikesan oleh Malaysia, kecuali kita dapat maklumat daripada pengesan-pengesan kapal selam daripada Indonesia. Jadi, bagaimana kalau sekiranya kapalselam Russia bila berada di sebelah Lautan China Selatan dan sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini maka ini akan menjejaskan keseluruhan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin juga meneruskan berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baru. Menurut Dasar Ekonomi Baru yang telah dilaksanakan dan pencapaian yang diharapkan sebanyak 30% menjelang tahun 1990, saya berpendapat bahawa Dasar Ekonomi Baru ini tidak ada mempunyai hadnya sehingga 10 tahun lagi, tetapi di sebaliknya Kerajaan hendaklah menubuh atau melaksanakan Dasar Ekonomi Kebangsaan di samping meneruskan Dasar Ekonomi Baru. Menurut bilangan penduduk

di negara ini, iaitu sebanyak 11,000,300 orang adalah rakyat Malaysia antara Sabah dan Sarawak yang mana terdapat sebanyak 6,000,120 orang adalah terdiri daripada bangsa Melayu dan selebihnya di antara 101.8 juta adalah di antara suku kaum bumiputra Sabah dan Sarawak yang menjumlahkan penduduk bumiputera di Malaysia ialah lebih kurang dianggarkan 7.6 juta. Di antara bilangan 7.6 juta ini paras kemiskinan ini adalah lebih banyak terdapat kepada golongan yang majority, iaitu golongan bumiputera. Jadi saya berpendapat Dasar Ekonomi Baru ini tidak dihadkan sehingga kepada tahun 1990, ianya mestilah diteruskan selagi paras kemiskinan bumiputera di negara ini dapat diseimbangkan kepada golongan-golongan yang majority. Tetapi di sebaliknya Dasar Pembangunan Kebangsaan patutlah dilaksanakan supaya suku-suku kaum yang lain dapat menikmati pembangunan ekonomi bersama, jadi tidak ada nampak perbezaan di antara Dasar Ekonomi Baru dengan Ekonomi Kebangsaan. Itulah pendapat saya dalam soal pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini.

Walau demikian, dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini terdapat juga beberapa kekurangan yang mana dari segi penyeliaan daripada Jabatan-jabatan ataupun agensi-agensi Kerajaan yang tertentu untuk membimbing peniaga-peniaga kecil bumiputera ataupun kepada peladang-peladang kecil bumiputera. Dalam Dasar Ekonomi Baru ini juga diharapkan peniaga-peniaga kecil yang mana seperti yang telah diberikan oleh Kerajaan pada tahun hadapan mendapatkan pinjaman sebanyak \$50,000 tanpa cagaran dan dalam pinjaman ini diharap pihak bank tidak akan melengah-lengahkan mengeluarkan pinjaman-pinjaman ini kepada peniaga-peniaga kecil. Yang menjadi masalahnya kepada pinjaman ini ialah di mana pusat bank, dikatakan pusat bank di Kota Kinabalu, maka pemohon-pemohon adalah datang daripada daerah Sandakan, Tawau dan sebagainya tetapi pengurus-pengurus bank ini hanya mempunyai kuasa-kuasa yang terhad. Bilamana pinjaman ini dikemukakan oleh peniaga-peniaga kecil, mereka sekurang-kurangnya akan mendapat jawapan 6 bulan, jadi inilah yang membuntukan semangat

peniaga-peniaga kecil, walaupun tidak mendapat kelulusan, sekurang-kurangnya mendapat jawapan. Jadi inilah yang menjadi masalah saya fikir di seluruh negara ini yang mana untuk meluluskan pinjaman sebanyak \$50,000 kepada peniaga-peniaga kecil bumiputera ini supaya dapat benar-benar dirasakan dan peniaga-peniaga kecil yang ada sekarang dapat meluaskan, membesarkan lagi perniagaan-perniagaan mereka menurut apa yang dianggarkan dalam Dasar Ekonomi Baru dan juga syarat pinjaman-pinjaman baru yang akan diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga membawa soal berkenaan dengan Bank Negara yang mana pernah saya kemukakan dalam Dewan ini soal wang palsu. Saya sendiri juga memikirkan sebagai seorang rakyat Malaysia tidak pernah barangkali melihat wang palsu yang berupa \$2,000 tetapi dalam akhbar *The Borneo Bulletin* ini yang dikeluarkan pada 13hb Disember tahun ini terdapat pula pengedaran wang palsu yang berharga ataupun katanya yang merupakan harga \$2,000. Jadi ini adalah sangat membingungkan. Kalaupun sekiranya pengedaran-pengedaran wang palsu ini masih berterus-terusan kita khuatir ekonomi negara kita ini juga akan dipermainkan oleh pihak-pihak sindiket yang lain. Saya haraplah kepada pihak-pihak yang berkenaan, khasnya kepada Bank Negara supaya mengesan, iaitu menurut dalam kenyataan itu terdapat 5 orang yang telah ditangkap dan mereka itu bukanlah daripada rakyat Sabah sendiri. Jadi inilah sangat-sangat sekali mengejutkan keadaan yang tidak begitu memuaskan bila kita fikirkan wang negara kita ini begitu dipalsukan oleh pihak-pihak sindiket yang mungkin daripada negara-negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengenai kewangan ini, saya juga mengharapkan mudah-mudahan peruntukan yang telah dianggarkan ini akan dapat dilaksanakan oleh tiap-tiap Kementerian yang berkenaan, terutama sekali dalam segi pembangunan di luar bandar yang mana di Sabah dan Sarawaklah saya fikir yang paling sukar untuk dihadapi, untuk dikunjungi dari satu kawasan kepada satu kawasan. Jadi dengan peruntukan yang begini lumayan saya

berharap mudah-mudahan dengan kebijaksanaan daripada Kementerian Kewangan yang menyusun dengan rapinya Anggaran Belanjawan bagi tahun 1981 ini dapat dibelanjakan dengan sebaik-baiknya dan dapat dinikmati bersama oleh setiap rakyat di negara ini.

Dengan ini saya menyokong Anggaran Belanjawan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan S. I. Rajah.

6.27 *ptg.*

Tuan S. I. Rajah: Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Belanjawan bagi tahun 1981, suka saya merayu kepada Kerajaan dan agency-agency yang lain, termasuk Kementerian-kementerian supaya mengambil lebih banyak pegawai awam daripada berlainan keturunan yang ada di negara kita. Adalah sangat penting bagi masyarakat kita yang kosmopolitan, bahawa perasaan penghargaan dan keyakinan boleh diujudkan di antara semua keturunan dengan mengambil lebih ramai rakyat dari berbagai keturunan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini terdapat kejatuhan kecekapan perkhidmatan awam dan saya percaya dan sebagai satu langkah untuk mengimbangkan komposisi kakitangan dalam perkhidmatan awam, tidak ramai rakyat dari keturunan bukan Melayu hendaklah dilantik.

Mengadakan terlampau banyak mesyuarat dalam perkhidmatan awam di antara kakitangan dan Ketua Jabatan hendaklah dikurangkan dan lebih masa hendaklah ditumpukan kepada pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Undang-undang hendaklah disusun semula. Adalah benar bahawa dengan ketiadaan Kementerian Undang-undang perjalanan kehakiman dan undang-undang tidaklah lengkap. Bilangan pegawai-pegawai kehakiman perundangan, seperti Majistret, Timbalan Pendakwa Raya, Presiden dan juga Hakim-hakim hendaklah ditambah untuk menyelesaikan kes-kes yang bertambah banyak. Perlembagaan hendaklah dipinda untuk menambahkan bilangan Hakim-hakim.

Kekurangan Jurubahasa-jurubahasa, keranikerani dan kakitangan di mahkamah hendaklah diatasi untuk menyelesaikan bilangan kes-kes kebelakangan yang banyak.

Bukanlah biasanya, pendakwa atau peguam yang menyebabkan kelewatan tetapi adalah kekurangan kakitangan yang menyebabkan timbulnya masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya mendesak Jabatan Perdana Menteri supaya lebih ramai lagi kakitangan Jabatan Amanah Raya, Jabatan Muflis (Official Assignee's Department), Biro Siasatan Negara (NBI) semuanya memerlukan kakitangan kiranya hendak berjalan dengan cekap.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Jabatan Imigresen, bahagian di bawah Malaysianisation Secretariate, Bahagian Visa, dan Bahagian Kemasukan Semula (Re-entry Section) terdapat banyak permohonan kebelakangan (backlog) yang tidak diproses dan telah ditangguhkan untuk beberapa lama. Kelewatan dalam membuat keputusan ini jika terus berlaku akan menjejaskan pelabur-pelabur asing dari terus melabur di negara ini. Oleh itu, suka saya mendesak Kementerian yang berkenaan supaya mempercepatkan proses ini dan memberi kuasa untuk membuat keputusan kepada semua pegawai kanan dan tidak memberi kuasa ini kepada hanya seorang pegawai sahaja.

Pembangunan perindustrian di Perak adalah tergendala walaupun negeri itu kaya dengan bijih. Kerajaan Pusat dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian hendaklah menggalakkan penubuhan industri-industri di Perak dan mengadakan lebih banyak galakan bagi pengusaha-pengusaha untuk mendirikan industri di Perak.

Akhir sekali sukacita saya mendesak Kerajaan supaya mengadakan satu seksyen Parlimen di Muzium Negara atau di Perpustakaan Parlimen untuk mengingati Ahli-ahli yang telah berjasa dan memberikan sumbangan yang cemerlang kepada negara. Di setengah negara-negara ASEAN bahagian seperti ini telah pun diadakan untuk menyimpan rekod-rekod mengenai sistem Kerajaan. Saya dapati tidak ada satu fail pun

di Perpustakaan Parlimen yang menunjukkan sejarah dan wujudnya berbagai-bagai parti politik di negara ini. Kesilapan ini hendaklah dikaji oleh Kerajaan dalam masa yang akan datang. Saya merasa kesal bahawa tidak ada penulisan atau karya di Parlimen mengenai Ahli-ahli Parlimen yang terkenal dan telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang seperti mendiang D. R. dan S. P. Seenivasagam.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana inilah kali terakhir melihat Yang Amat Berhormat Tun secara rasmi sebagai Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih bagi pihak diri saya dan juga parti saya iaitu Party Progressive Rakyat atas segala tunjuk ajar dan perkhidmatan yang telah Yang Amat Berhormat Tun berikan kepada saya semasa memegang jawatan sebagai Yang di-Pertua kami.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datin Hajjah Mahimon.

6.35 ptg.

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1981. Tidak lupa juga saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang telah bersusah payah menyiapkan Belanjawan ini dengan lengkap dan teratur. Sungguhpun begitu, saya ingin juga memberi beberapa pandangan-pandangan mengenai Belanjawan bagi tahun 1981 ini.

Saya juga ingin menyentuh beberapa Kementerian dan saya mulakan dengan mukasurat 42, Butiran 1100—Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Saya ingin bercakap sedikit di atas anggaran peruntukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tahun 1981 adalah didapati bertambah dan dengan bertambahnya peruntukan itu maka pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Perkhidmatan Awam akan juga bertambah daripada 350 orang kepada 390 orang.

Dengan bertambahnya pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam itu tentulah dengan tujuan hendak melicinkan lagi kerja-kerja di

Jabatan itu terutama dalam bidang mengisi jawatan-jawatan kosong yang diwujudkan dalam tahun 1981 bagi Jabatan-jabatan Kerajaan di peringkat Federal.

Kepada Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Perkhidmatan Awam adalah diharapkan dapat memilih calon-calon yang mempunyai dedikasi, berkhidmat untuk rakyat bagi mengisi jawatan-jawatan kosong di dalam tahun 1981 itu dengan secepat mungkin yang boleh. Apabila jawatan-jawatan yang kosong di peringkat Federal dapat dipenuhi maka sudah tentu tugas-tugas pentadbiran di Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan itu akan dapat melipatgandakan kerjanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi sedikit pandangan mengenai dengan elaun Pengerusi-pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di Peringkat Negeri-negeri. Sebagai contoh, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di Negeri Pahang adalah mendapat elaun seperti berikut: Pengerusi mendapat \$1,000; Naib Pengerusi mendapat \$750 dan Ahli-ahli Suruhanjaya \$400 sebulan dan di Terengganu pula, Pengerusinya mendapat \$2,500 dan ahli biasa mendapat \$1,000 sebulan.

Di sini adalah didapati bahawa pembayaran elaun kepada Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di peringkat negeri-negeri adalah tidak selaras. Sungguhpun kuasa menetap pembayaran elaun itu terletak di bawah kuasa Kerajaan Negeri masing-masing, pada hemat saya adalah baik jika sekiranya Kerajaan Pusat mengkaji dan membuat satu tangga elaun yang selaras bagi tiap-tiap negeri di seluruh Malaysia dan disyorkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri memakai dan menggunakan skim elaun yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada muka surat 69 P. 8 Pembangunan Butiran 4—pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan di Luar Bandar. Saya sukacita menyentuh sedikit berkenaan dengan P. 8 di bawah Jabatan Perdana Menteri bahawa dalam tahun 1981 negeri-negeri akan diberi peruntukan membaiki dan membuat jalanraya di luar bandar di bawah Butiran 4 yang berjumlah \$305 juta jika dibandingkan

dengan peruntukan 1980 berlebih sebanyak \$77,040,000. Pahang adalah sebuah negeri yang terbesar di Semenanjung Malaysia dan saya dapati masih banyak lagi jalan raya di luar bandar yang telah dibuat di dalam Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan Ketiga yang perlu diperbaiki dan juga mengadakan jalan-jalan raya baru untuk masuk ke kampung-kampung yang tidak mempunyai jalan-jalan raya yang kecil. Dengan berbuat demikian akan memudahkan penduduk di luar bandar membawa hasil mahsul mereka ke bandar-bandar yang berhampiran dengan kampung-kampung mereka. Dengan secara demikian sedikit sebanyak penduduk di luar bandar harus akan dapat membantu dan menolong Kerajaan mengurangkan kadar inflasi, yang pada masa ini boleh dikatakan harga bahan-bahan makanan sentiasa naik. Dengan kenaikan harga bahan makanan harian itu banyak di antara rakyat kita bersungut. Oleh itu, rakyat hendaklah diberitahu di atas kenaikan harga bahan makanan itu dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, muka surat 73, B. 9 Jabatan Perkhidmatan Awam. Dengan adanya beberapa buah universiti di negara kita ini adalah didapati bahawa bilangan penuntut-penuntut yang telah lulus dari pengajian mereka adalah banyak dari setahun ke setahun, khasnya di bidang pentadbiran. Sungguhpun demikian, nampaknya negara masih lagi kekurangan pegawai tadbir seperti Pegawai Kewangan Negeri, Pegawai-pegawai Daerah dan lain-lain pegawai. Saya menyatakan demikian iaitu apabila seseorang Pegawai Kewangan atau Pegawai Daerah itu diperintah bertukar ke lain negeri, maka Jabatan Perkhidmatan Awam mengambil masa 4-5 bulan untuk mendapatkan gantinya. Kelambatan menghantarkan ganti pegawai-pegawai yang bertukar itu sudah seharusnya akan menimbulkan dan mendatangkan kerumitan kepada jabatan-jabatan yang berkenaan, terutama sekali di daerah-daerah seperti Pegawai-pegawai Daerah.

Pada masa yang lampau perkara seumpama ini belum pernah berlaku; biasanya apabila seseorang pegawai itu diperintah bertukar, dua tiga hari sebelum

pegawai itu pergi maka pegawai yang menggantikan sudah sampai. Perkara yang saya katakan sebentar tadi baru-baru ini telah berlaku di negeri Pahang. Dalam usaha Kerajaan hendak meninggikan taraf ekonomi penduduk di luar bandar dan di bandar sudah tentu perkhidmatan pegawai-pegawai seumpama itu sangatlah penting dan mustahak. Dan adalah diharapkan supaya Kerajaan mewujudkan dan menambahkan lagi jawatan-jawatan itu dengan memberi peruntukan yang cukup. Saya juga berharap semoga kelambatan menggantikan pegawai-pegawai yang telah ditukarkan dari sebuah negeri ke lain negeri itu tidak akan berlaku lagi di mana-mana negeri pun khasnya di negeri Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengingatkan kepada jabatan-jabatan Kerajaan dan juga badan-badan berkanun supaya bersungguh-sungguh meneliti dan mengambil berat di atas segala hal ehwal pentadbiran di bahagian masing-masing dengan memberikan perhatian serius terhadap pegawai-pegawai mereka yang melaksanakan dasar dan tujuan Kerajaan. Pegawai-pegawai yang diberi tanggungjawab di atas satu-satu jabatan atau badan berkanun itu hendaklah betul-betul mempunyai dedikasi dan berjiwa rakyat. Dengan mempunyai pegawai-pegawai yang demikian, saya percaya segala masalah dan kerumitan pentadbiran akan dapat berjalan dengan lancar dan licin, dan seterusnya rakyat akan memberikan sokongan dan kepercayaan penuh kepada Kerajaan yang kita kasihi. Saya masih ingat kata-kata Allahyarham Tun Abdul Razak sebagai seorang pucuk pemimpin negara, pernah berkata bahawa tidak ada kesulitan atau masalah di atas dunia ini yang tidak boleh diselesaikan, jika sesuatu masalah itu dapat dirundingkan dan dibincang bersama-sama dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk mengatasinya. Seumpama jika sekiranya jawatan-jawatan dalam jabatan atau badan berkanun itu berkehendakkan tambahan maka peruntukan yang berpatutan hendaklah diberikan.

Saya pergi kepada muka 122, Butiran 16, P. 17. Saya berasa besar hati dan mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan yang telah

memperuntukkan pinjaman sebanyak \$1,072,740 kepada Lembaga Kemajuan Negeri Pahang bagi tahun 1981 untuk pembangunan Pelabuhan Kuantan. Dengan peruntukan pinjaman tersebut sudah tentu akan memudahkan Lembaga tersebut menjalankan projek pembangunan di kawasan yang berhampiran dengan Pelabuhan Kuantan dan dengan adanya projek itu akan memberi kemudahan kepada pegawai-pegawai, pekerja-pekerja serta juga badan swasta yang ada hubungan pekerjaan dan perniagaan mereka dengan Pelabuhan Kuantan itu. Selain daripada itu, saya percaya dari masa ke semasa kawasan-kawasan di sekitar Pelabuhan Kuantan akan bertambah besar dan maju. Saya sungguh tertarik hati memandangkan kepada rancangan-rancangan dan projek pembangunan yang sedang dirancangan dan dijalankan di seluruh negeri Pahang oleh Lembaga Kemajuan Negeri Pahang pada masa ini dengan tujuan hendak menolong bumiputera dalam usaha melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

Selain daripada itu saya juga telah difahamkan iaitu beberapa orang kontraktor-kontraktor bumiputera ditawarkan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan Lembaga Kemajuan Negeri Pahang itu.

Semenjak awal tahun 1979 bahawa harga alat-alat perkakas binaan seperti simen, besi, atap (tiles), bata, kayu dan lain-lain alat pembinaan telah mula naik harga jualannya sehingga lebih daripada 20% daripada harga kontrak asal, yang mana adalah diluar dugaan pemborong-pemborong binaan bumiputera. Dan ada di antara mereka telah membuat rayuan untuk mendapatkan tambahan harga kontrak asal. Hasil daripada rayuan pertama mereka itu telah sedikit sebanyak mendapat tambahan kenaikan harga.

Sungguhpun demikian, Tuan Yang di-Pertua, apabila harga minyak petrol diisytiharkan naik pada pertengahan 1980, maka harga alat-alat perkakas binaan pun turut naik melambung tinggi sekadar lebih kurang 50% daripada harga kontrak asal. Ada pihak-pihak pemborong projek-projek Lembaga Kemajuan Negeri Pahang telah membuat lagi rayuan untuk mendapatkan

timbangan kenaikan harga dengan berpandukan kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan 7/80, ada di antara mereka berjaya mendapat pertimbangan kenaikan harga itu dan ada yang tidak berjaya. Mereka yang tidak berjaya telah membuat perhitungan kadar harga menyiapkan projek-projek pembinaan perumahan itu dan didapati jika kerja-kerja tersebut diteruskan, mereka akan menghadapi kerugian yang besar dan dengan demikian terpaksa menyerahkan balik kerja-kerja binaan itu kepada pihak Lembaga Kemajuan Negeri Pahang. Perkara yang berlaku seumpama itu sepatutnya hendaklah disiasat dan dirunding bersama dengan pihak pemborong yang berkenaan supaya cita-cita pemborong binaan seumpama itu dapat diberi galakan dari pihak-pihak yang berkuasa semoga syarikat itu mereka tidaklah mati dengan tidak berkubur.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menubuhkan badan-badan atau agensinya seperti Lembaga Kemajuan Negeri dan lain-lain lagi Badan-badan Berkanun untuk menyesuaikan Dasar Ekonomi Baru. Agensi-agensi Kerajaan dan juga Badan-badan Berkanun seumpama itu hendaklah sentiasa bekerjasama memberi kemudahan-kemudahan kepada bumiputera dan begitu juga pegawai-pegawai yang mentadbir Badan-badan Berkanun itu hendaklah dipilih daripada mereka yang betul-betul mempunyai pengalaman, kebolehan, hemah dengan rakyat serta dedikasi semoga dasar dan tujuan Kerajaan dapat dilaksanakan dengan tepatnya, dengan berbuat demikian saya percaya rakyat akan terus memberi kepercayaan dan sokongan kepada Kerajaan.

Adalah didapati bahawa tujuan Lembaga Kemajuan Negeri Pahang membuat projek-projek perumahan ialah untuk menolong bumiputera membeli rumah-rumah dengan harga yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah juga mendengar pesanan ucapan Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, selaku salah seorang pemimpin Negara mengingatkan Lembaga Kemajuan Negeri Pahang supaya jangan membuat rumah-rumah yang berharga mahal kerana ini akan tidak membolehkan bumiputera membelinya. Tetapi pada masa ini

adalah didapati bahawa rumah-rumah yang dibina dan dijual oleh Lembaga Kemajuan Negeri dengan berbagai harga ada di antaranya \$25,000 sehingga \$90,000 sebuah.

Saya berpendapat jarang-jarang benar bumiputera yang ada berkebolehan dan kemampuan untuk membeli rumah-rumah yang berharga tinggi, oleh yang demikian saya berharap Kerajaan mengambil perhatian berat di atas pelaksanaan rancangan projek perumahan Badan-badan Berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan.

Saya menyentuh kepada muka surat 195, Maksud P. 26, Butiran 4—Lembaga Kemajuan Ternakan Negara. Sukacita saya memberi sedikit pandangan di atas Maksud P. 26, Butiran 4 (iii)—Perusahaan Daging Ternakan (Dairy Pilot Farming) yang dikelolakan oleh Lembaga Kemajuan Ternakan Negara.

Pada hemat saya perusahaan membela lembu-lembu di negara kita pada masa ini amatlah difikirkan penting dan mustahak bagi menampung kekurangan jualan daging-daging di Semenanjung Malaysia untuk kegunaan harian bagi rakyat negara ini dan usaha seumpama ini hendaklah dikaji untuk dibaiki bagi membanyakkan keluaran daging-daging lembu bagi mengelakkan harga jualan pasaran yang sentiasa naik sehingga terdapat jualan di pasar-pasar di negeri kita ini di antara \$5.50 ke \$6.00 sekati. Oleh itu Kerajaan patutlah memberi peruntukan yang lebih kepada Lembaga tersebut bagi membolehkan Lembaga itu menjalankan usaha-usaha ternakan yang lebih besar dan luas. Tetapi nampaknya peruntukan bagi tahun 1981 ini di bawah Butiran 4 (iii) hanyalah diuntukkan sebanyak \$1,985,600 jika dibandingkan dengan peruntukan yang diberi pada tahun 1980, berjumlah \$14,017,290. Di sini kita dapati bahawa perusahaan bagi tahun 1981 pada hemat saya bahawa Lembaga Kemajuan Ternakan ini tidak akan dapat membesar dan meluaskan perusahaannya dan ini sudah sepatutnya dikaji secara teliti semoga bekalan daging lembu daripada Lembaga Kemajuan Ternakan Negara tidak berkurangan dari apa yang telah didapati di dalam tahun 1980.

Saya juga telah difahamkan negara kita masih mengimport daging-daging lembu dan

kambing dari negeri-negeri luar seperti Australia, Thailand, Indonesia dan lain-lain negeri jiran untuk kegunaan negeri kita. Bahawa adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk mengurangkan import daging-daging itu daripada luar negeri, jika sekiranya perusahaan ternakan itu tidak dapat diperluaskan saya percaya peluang-peluang mendapatkan kerja khasnya bagi anak-anak bumiputera, akan berkurangan dan pengangguran akan bertambah.

Saya pergi kepada muka surat 204, Maksud P. 26—Kementerian Pertanian.

(Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya memerhatikan bahawa peruntukan bagi Pusat Menternak Haiwan Pantai Timur hanyalah diuntukkan sebanyak \$180,000 bagi tahun 1981. Tetapi peruntukan pada tahun 1980 adalah sebanyak \$1,050,100 ini sudah tentu dengan peruntukan \$180,000 bagi 1981 tidak akan mencukupi padahal Kerajaan Negeri telah menguntukkan beberapa kawasan yang besar dan luas untuk pusat-pusat ternakan tersebut.

Saya telah menyuarakan sebentar tadi bahawa negara kita masih kekurangan daging untuk kegunaan harian. Saya percaya Kementerian Pertanian tidak berhajat hendak menutup perusahaan menternak haiwan di Pantai Timur khasnya Pusat Menternak Haiwan di Kuantan. Dengan demikian saya sekali lagi menyeru Kementerian Pertanian, khasnya Kerajaan Pusat, supaya tidak ragu-ragu meluluskan tambahan yang perlu jika dikehendaki pada masa hadapan semoga perusahaan seumpama ini akan dapat memberi faedah kepada rakyat dan juga negara.

Saya ingin pula menyentuh Kepala P. 26, muka surat 198, Butiran 57 mengenai dengan Sekolah Latihan Luar Bandar bagi Peladang yang mana pada tahun 1981 didapati bahawa anggaran diuntukkan adalah sebanyak \$643,700 jika dibandingkan dengan peruntukan yang telah diberi pada tahun 1980 hanyalah berjumlah \$83,000 sahaja. Ini bermakna lebih peruntukan bagi 1981 ialah sebanyak \$560,700. Dengan kelebihan peruntukan tersebut pada hemat saya Kementerian Pertanian bagi pihak Kerajaan

Pusat sungguh-sungguh mempunyai minat dan berazam untuk mengeluarkan hasil-hasil pertanian yang diperlukan oleh negara.

Selain daripada itu dengan adanya sekolah-sekolah latihan yang sedemikian, maka sudah tentu sebilangan daripada pemuda pemudi yang menganggur di kampung-kampung akan dapat dipilih dan diambil untuk menyertai latihan di sekolah-sekolah peladang itu. Dan apabila mereka tamat dari latihan sekolah tersebut, maka mereka seberapa yang boleh hendaklah ditugaskan membuat apa jua perusahaan bagi mendapatkan hasil pertanian yang difikir patut dan perlu bagi kegunaan harian. Jika sekiranya didapati mereka itu tidak mempunyai cukup perbelanjaan bagi menjalankan projek-projek yang diminati oleh mereka, maka Kerajaan khasnya Kementerian Pertanian, hendaklah memikir dan menimbangkan kadar-kadar subsidi yang patut diberi kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, muka surat 200, Butiran 94 di bawah P. 26 juga, mengikut Anggaran Perbelanjaan adalah didapati bahawa rancangan-rancangan parit dan taliair bagi negeri Pahang bertambah \$3 juta lebih daripada 1980. Maka dengan bertambahnya peruntukan itu tentulah projek-projek parit dan taliair akan seterusnya bertambah daripada apa yang ada pada hari ini.

Saya percaya dengan adanya tambahan peruntukan itu, maka paya-paya di negeri Pahang yang lama tidak digunakan dengan sepenuhnya kerana kekurangan air yang cukup, dan kadangkala kering kontang dapatlah jua kiranya Kementerian Pertanian memberikan tambahan peruntukan yang lebih kepada Jabatan Parit dan Taliair Negeri Pahang bagi mengatasi masalah-masalah yang dibangkitkan itu.

Saya sungguh tertarik hati apabila melawat negeri Kelantan dan Trengganu, melihat rakyat kedua-dua buah negeri itu bertanam padi paya dengan sungguh besar dan luas dengan mendapat hasil yang memuaskan, dan jika dipandang sekali gus dalam perjalanan itu bahawa padi-padi yang ditanam oleh mereka itu sungguh subur dan luasnya seperti laut. Saya percaya di negeri Pahang ada paya-paya yang luas melaut seperti di Mukim Pahang Tua. Ganchong, Sepayang di Pontian. Dalam

daerah Pekan, dan juga di lain-lain daerah di negeri Pahang.

Saya sungguh hairan memikirkan mengapa sawah-sawah padi yang tersebut itu tidak digunakan dan ditanam dengan secara besar-besaran seperti di Kelantan dan Trengganu. Ini haruslah barangkali kekurangan air untuk berbuat demikian. Maka dengan kelebihan peruntukan bagi tahun 1981 saya harap Kementerian Pertanian semoga akan ini dapat memberi segala kemudahan untuk membolehkan dan menggalakkan penduduk-penduduk di kampung-kampung dan di mukim-mukim berkenaan di negeri Pahang ini menggunakan paya tersebut untuk bertanam padi, secara besar-besaran.

Di samping itu juga terdapat projek-projek membuat rancangan parit dan taliair seperti di Mukim Ganchong, Pekan, mengambil masa begitu lama untuk menyiapkan kerja-kerja membuat parit dan taliair itu. Kalau tidak salah ingatan saya bahawa projek tersebut telah dimulakan sebelum saya bersara daripada menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang pada tahun 1974 dahulu. Saya harap Kementerian berkenaan akan dapat memberi sedikit penjelasan mengenai perkara tersebut.

Sebagaimana kita ketahui bahawa beras adalah menjadi makanan asli bagi penduduk-penduduk di negara kita ini. Hasil keluaran beras di negara kita ini masih didapati tidak mencukupi untuk menampung keperluan negara. Bagi mengatasi kekurangan beras itu, maka Kerajaan terpaksa mengimport beras dari negara-negara jiran. Pada hemat saya sudah sampailah masanya Kerajaan menimbang dan memberi keistimewaan untuk menambah lebih banyak lagi peruntukan kepada Kementerian Pertanian bagi membolehkan semua negeri-negeri di Semenanjung Malaysia ini dapat melipatgandakan usahanya bagi bercucuk-tanam dan keperluan bahan-bahan makanan khasnya padi.

Tuan Yang di-Pertua, muka surat 379—Kementerian Kesihatan. Adalah diperhatikan bahawa Kementerian Kesihatan pada tahun 1981 telah diuntukkan \$423,100 di bawah Butiran 2700—Bekalan dan Bahan-bahan bagi Program (1) (b) Pentadbiran Negeri. Ini bermakna bahawa peruntukan tahun 1981 ini

didapati berlebihan \$140,400 dari peruntukan 1980. Dengan kelebihan peruntukan itu saya harap Kementerian Kesihatan dapat menguntukkan kepada Jabatan-jabatan Perubatan dan Kesihatan di negeri-negeri lebih banyak daripada peruntukan yang telah diberi pada tahun 1980 dengan tujuan membolehkan hospital-hospital, khususnya Hospital Besar Kuala Lumpur menambah dan membeli alat-alat perkakas seperti pinggan-mangkuk, cawan, napkin, selimut, cadar dan lain-lain. Sebabnya saya mengemukakan perkara-perkara yang tersebut di atas kerana ada didapati bahawa alat-alat perkakas itu sudah lama dan berkehendakkan ganti dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah juga masuk berubat di Hospital Besar Kuala Lumpur dan didapati ada juga alat-alat seperti yang disebutkan di atas tadi berkehendakkan ganti. Oleh yang demikian, patutlah peruntukan yang lebih diberi bagi membeli dan menambah alat-alat keperluan di Hospital Besar Kuala Lumpur. Ini saya tujukan kepada wad First Class kerana ada di antara pesakit-pesakit di wad First Class telah dihidangkan dengan pinggan-mangkuk yang sompek-sompek. Rasa saya tidak kenalah jika diperbuat demikian kerana pesakit-pesakit itu menduduki wad First Class dan mereka berkehendakkan supaya alat-alat perkakas seperti pinggan-mangkuk dan lain-lain lagi di ada dan disiapkan dengan berpatutan dan sempurna.

Muka surat 387, Butiran 4—Hospital-hospital Baru, P. 39. Saya sangat tertarik hati Kementerian Kesihatan telah menguntukkan anggaran untuk membina hospital-hospital baru di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Di antara hospital-hospital baru yang telah dirancangkan bagi tahun 1981 termasuklah binaan-binaan hospital di negeri Pahang seperti berikut:

Hospital Jerantut	\$ 100,010
Hospital Kuantan	\$1,000,000
Hospital Daerah Raub ..	\$2,000,010
Hospital Desa Cameron Highlands	\$ 490,000

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kementerian Kesihatan Khasnya Kerajaan Pusat yang telah mempersetujui anggaran peruntukan perbelanjaan binaan tersebut. Sungguhpun demikian peruntukan sebanyak \$1 juta untuk membuat hospital besar Kuantan atas tapak yang telah dicadangkan itu pada hemat saya tentulah tidak mencukupi dan peruntukan sebanyak itu haruslah akan diguna bagi memulakan kerja seperti merata dan menambun tapak bangunan hospital baru itu. Projek ini telah pun dirancangkan sebelum saya bersara sebagai Ahli Dewan pada tahun 1974 dan adalah diharapkan Kementerian Kesihatan akan menyegerakan pembinaan Hospital Besar itu kerana hospital yang ada sekarang tidak mencukupi pada masa ini untuk menempatkan pesakit-pesakit yang datang untuk dirawat di hospital itu.

Muka 583—P. 64, adalah didapati bahawa peruntukan di bawah Butiran 4 Membaiki Lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan-jambatan. Bagi tahun 1981 telah diuntukkan sebanyak \$36,800,000. Pada awal tahun 1980 telah diuntukkan \$44,118,000. Ini bermakna peruntukan tahun 1981 kurang \$7,318,000. Pada hemat saya peruntukan yang ditetapkan bagi tahun 1981 untuk membaiki lain-lain jalan-jalan besar tentulah tidak mencukupi. Sungguhpun demikian adalah dipercayai bahawa peruntukan tambahan jika perlu akan diberi dan diluluskan oleh pihak Kerajaan. Di sini suka saya memberitahu di Dewan ini bahawa di dalam bulan Oktober, 1980 saya telah melalui jalan besar yang asal dari Maran ke bandar Jerantut dan didapati jalan besar itu berlubang-lubang serta di kiri kanan penuh dengan belukar. Padahal sebelum Perangan Dunia Kedua jalan besar ini ialah sebuah jalan raya Federal menuju ke bandar Jerantut dan terus ke Kuala Lumpur. Pada masa ini bandar Jerantut pula sedang giat membangun. Bolehlah dikatakan ramai di antara peneroka-peneroka FELDA yang berjumlah lebih kurang 70,000 orang yang bermastautin di wilayah Jangka Tiga Segi ramai di antara mereka itu menggunakan jalan besar tersebut membawa hasil-hasil dari wilayah Jangka Tiga Segi itu ke Kuala Lumpur ataupun ke Kuantan. Selain daripada itu peneroka-peneroka di wilayah tersebut juga ada

mempunyai kereta-kereta kecil serta motosikal-motosikal untuk pergi dan balik membeli belah ke bandar Jerantut atau Maran dan seterusnya ke lain-lain daerah. Maka dengan demikian sudah seharusnya jalan besar tersebut diperbaiki dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1979 saya telah mengesyorkan dalam Dewan ini supaya jalan besar dari Kuantan ke Lapangan Terbang dibuat dua hala (double carriage way) untuk mengelakkan kemalangan-kemalangan lalu lintas yang pernah berlaku. Jawapan yang telah diberi dalam persidangan tempoh hari itu bahawa dalam tempoh 6 bulan jalan besar tersebut akan dibuat dua hala tetapi hingga pada hari ini belum ada apa-apa tanda lagi dilaksanakan. Oleh itu saya berharap kepada pihak Kementerian Kerjaraya akan dapat menunaikan janji-janji dengan secepat mungkin yang boleh supaya kemalangan lalu lintas akan berkurangan. Tuan Yang di-Pertua, janji membawa akibat.

Muka 590 di bawah tajuk Bangunan-bangunan Kerajaan adalah ditunjukkan di bawah Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam akan membina dan memperbaiki banyak bangunan-bangunan termasuk pejabat-pejabat Kerajaan di seluruh Semenanjung Malaysia. Peruntukan yang diuntukkan bagi tahun 1981 amatlah menggalakkan jika dibanding dengan peruntukan yang diberi pada tahun 1980. Maka dengan terbinanya bangunan-bangunan baru itu sudah harus pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan akan dapat menjalankan kerja-kerja mereka dengan tenang dan selesa. Sebelum bangunan-bangunan itu dibina Kerajaan biasanya mengeluarkan iklan-iklan tawaran kontrak kepada pemborong-pemborong yang mempunyai kelayakan yang tertentu. Pengerusi dan Ahli-ahli Jemaah Tender hendaklah sentiasa berhati-hati membuat keputusan yang sewajarnya sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru dan kehendak-kehendak yang ditetapkan oleh Kerajaan. Saya sangat tertarik hati di atas ucapan Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah dalam upacara pembukaan seminar Pengerusi-pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Jemaah Tender sebagaimana yang tersiar di dalam akhbar-akhbar tempatan pada 5hb

November, 1980 yang mana beliau telah menekankan supaya kontraktor-kontraktor bumiputera diwujudkan ke peringkat antarabangsa dan lain-lain lagi arahan yang penting telah juga disampaikan olehnya.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Tengku di atas segala pesanan dan arahan yang disampaikan di dalam seminar itu dan diharap semoga arahan-arahan yang telah disampaikan itu akan jadi panduan yang gigih untuk memberi kerjasama, tunjuk ajar kepada kontraktor-kontraktor bumiputera semoga hasrat dan cita-cita mereka itu untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan akan terus berjaya dan mencapai cita-cita yang dihayati oleh mereka.

Suka juga saya mengingatkan di Dewan ini supaya ahli-ahli Jemaah Tender dan juga pegawai-pegawai teknikal Kerajaan benar-benar berjiwa rakyat menjalankan tugas mereka bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan itu. Janganlah pula keputusan yang dibuat oleh Ahli-ahli Jemaah Tender amat ketat dan berat sehingga melemahkan jiwa semangat kontraktor bumiputera. Jika didapati mereka tidak dapat menjalankan tugasnya dengan sempurna hendaklah disiasat dan dipanggil berunding supaya sebab-sebab kerja-kerja yang ditawarkan tidak dapat diteruskan dan dengan demikian maka kita dapatlah mengatasi segala kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh mereka. Setelah siasatan dibuat saya rasa tentu sekali Jemaah Tender tidaklah mengenakan syarat-syarat yang ketat kepada mereka sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1981 dan akhirnya saya ingin memberi sedikit teguran terutama sekali pada akhir tahun 1980 ini sungguhpun saya hampir tiga tahun mengikuti Dewan Negara ini tetapi pada akhir tahun ini saya dapati dan saya juga merasa sangat-sangat sedih melihat kerusi dan bangku-bangku di depan kita ini hanya tinggal nama sahaja iaitu "Menteri-menteri" sedangkan seorang Menteri pun tidak ada bersama untuk mendengar segala teguran-teguran yang dihamburkan oleh Ahli-ahli Dewan Negara. Di sini kami rasa juga mengapa perkara ini berlaku, pada masa yang

telah sudah tidak pernah dan saya berharap dengan jasa baik Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang akan datang perkara semacam ini tidak akan berlaku lagi.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Yang Berhormat Tuan Oh Sew Aun.

7.21 mlm.

Tuan Oh Siew Aun: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1981 dan saya hendak bercakap sepele dua mengenai bahan-bahan keperluan kepada rakyat jelata di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, subsidi pengeluaran untuk mengatasi kekurangan gula.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana harga gula di pasaran antarabangsa melambung tinggi dan oleh kerana penyeludupan gula dalam negara semakin menjadi Kerajaan sedang menghadapi masalah mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi kekurangan gula ini dengan segera.

Langkah-langkah ini antara lain termasuklah menaikkan harga gula, mengenakan catuan serta memberi subsidi pengeluaran kepada kilang-kilang gula. Memandangkan masalah ini mungkin akan berlarutan ke tahun hadapan sama ada pihak Kerajaan akan dapat melaksanakan semua langkah-langkah ini atau hanya melaksanakan langkah-langkah yang berkesan untuk membendung masalah ini, bergantung kepada keadaan gula pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun oleh kerana ini adalah berkaitan dengan soal hidup rakyat sebelum pihak berkuasa mengambil sebarang langkah harus juga dikaji akibat-akibatnya supaya hanya langkah-langkah yang paling sesuai sahaja diambil. Sebenarnya di dalam perjanjian yang ditandatangani di antara Malaysia dengan Australia dan Fiji harga gula patut stabil dalam negara tetapi oleh kerana harga gula di Malaysia adalah lebih murah dari negeri-negeri jiran maka gula kita telah diseludup keluar menyebabkan kekurangan yang kita hadapi sekarang. Semasa harga gula masih rendah di pasaran antarabangsa harga gula dalam negara adalah lebih tinggi kerana perjanjian yang sama maka

hampir $\frac{1}{3}$ bekalan gula di Kelantan telah diseludup masuk dari negeri Thai. Kini harga gula kita hanyalah separuh daripada harga gula di pasaran dunia maka aliran gula telah bertukar iaitu gula Malaysia di seludup ke negeri Thai. Oleh sebab ini ada orang berpendapat bahawa cara yang mudah untuk mengatasi masalah ini ialah dengan menaikkan harga gula ke paras \$1.30 sen sekati iaitu hampir sama dengan harga gula di negeri Thai. Dengan cara ini kegiatan penyeludupan gula pasti dapat dihentikan tetapi oleh kerana hendak membenters kegiatan penyeludupan dan harga gula dinaikkan kita akan hanya menambah beban hidup rakyat, dan ini bukanlah satu cara yang baik oleh kerana Kerajaan hendak meringankan beban hidup rakyat khususnya rakyat miskin harga gula tetap diletakkan pada paras 75 sen sekati.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya penyeludupan adalah kegiatan yang menyalahi undang-undang dan hanya tindakan undang-undang harus diambil untuk membasmikannya. Adalah tidak mungkin bagi pihak berkuasa menaikkan harga gula untuk memerangi kegiatan penyeludupan kerana ini akan hanya menambah beban hidup rakyat sementara kegiatan penyeludupan masih akan berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan naik turun harga gula di pasaran dunia adalah tidak wajar bagi kita terus mengekalkan harga pada paras yang lama oleh kerana kita tahu bahawa penyeludupan akan menyebabkan kekurangan gula maka tindakan tegas hendaklah diambil untuk membasmikannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai menaikkan harga gula hanya apabila keadaan tidak dapat dikawal barulah wajar ditimbangan. Catuan gula adalah juga satu langkah yang membimbangkan rakyat. Langkah ini akan menimbulkan berbagai kesulitan oleh kerana langkah ini melibatkan perlaksanaan yang luas, kakitangan tambahan terpaksa diambil untuk melaksanakannya. Juga bahaya penyalahgunaan kuasa makin timbul. Dalam lain perkataan, langkah ini membawa lebih kesan-kesan buruk daripada yang baik. Kalau tidak perlu, Kerajaan tidak harus melaksanakannya.

Mengenai langkah memberi subsidi pengeluaran kepada kilang-kilang gula yang kini ditimbangkan oleh Kabinet jika dibandingkan dengan langkah-langkah yang lain, ini adalah satu langkah yang paling popular. Adalah wajar dan bijak kiranya Kerajaan dapat memberi keutamaan kepada langkah ini. Sehingga sekarang hampir 90% keperluan gula dalam negeri bergantung kepada bekalan dari luar negeri dan 10% ialah gula keluaran tempatan. Sekiranya keadaan ini tidak dibetulkan negara kita tidak akan dapat mengatasi masalah naik turunnya harga gula.

Harga runcit gula pada 75 sen sekati itu tidak memberi sebarang keuntungan kepada kilang-kilang gula tempatan, malah ia mungkin akan membawa kerugian. Dalam keadaan demikian jika kita hendak menambahkan kilang-kilang gula atau menggalakkan kilang gula menambah pengeluaran satu jalan yang paling baik ialah memberi subsidi pengeluaran kepada kilang-kilang itu. Negara kita mengalami perniagaan

bebas dan tidak sesiapa yang mahu menjalankan perniagaan yang membawa kerugian. Jika ditinjau dari kedudukan sekarang pihak Kerajaan mempunyai dua jalan untuk mengatasi masalah kekurangan gula.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama menaikkan harga gula. Yang kedua memberi subsidi pengeluaran. Langkah menaikkan harga gula akan menjejaskan kehidupan rakyat dan mungkin tidak akan dapat mengatasi masalah kekurangan gula dengan segeranya.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Yang Berhormat bolehlah sambung pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang esok, 19hb Disember, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.